


Jilid I
Bil. 90



Hari Isnin
12hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9695]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Outward Bound School—Penghinaan Ugama Islam [Ruangan 9724]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 9727]

Jawatankuasa—

Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 9781]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 9727]

Jawatankuasa—

Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 9781]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.J., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 12hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PRESTASI PENGALIRAN
PELABUR ASING

1. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan prestasi pengaliran pelabur asing ke negara ini dalam konteks pergolakan politik serantau kini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih dapat menarik modal asing ke negara ini, terutamanya di sektor perkilangan, walaupun terdapat keadaan politik tidak begitu stabil di bahagian dunia di sebelah sini. Semenjak dari tahun 1977, perangkaan menunjukkan pelaburan asing di sektor perkilangan telah bertambah. Dalam tahun 1977, pengusaha-pengusaha asing menyertai dalam 198 projek-projek perindustrian yang diluluskan oleh Kerajaan, dengan modal ekuiti berjumlah \$108 juta. Jumlah ini meningkat kepada 232 projek dengan modal asing berjumlah \$178 juta dalam tahun 1978. Kenaikan selanjutnya berlaku dalam tahun 1979. Dalam tempoh masa 8 bulan dalam tahun ini, 182 projek penyertaan asing telah diluluskan, dengan modal ekuiti asing berjumlah \$172 juta. Ini menunjukkan perbandingan yang setaraf dengan 185 projek dan pelaburan sebanyak \$90.3 juta yang telah diluluskan dalam jangkamasa yang sama pada tahun 1978.

Perangkaan-perangkaan yang telah saya sebutkan tadi menunjukkan dengan jelas bahawa pelabur-pelabur asing masih mempunyai kepercayaan penuh terhadap suasana pelaburan di Malaysia walaupun kestabilan politik di rantau ini ada menimbulkan perasaan kebimbangan. Kejayaan Malaysia dalam menarik pelabur asing selanjutnya berpunca dari faktor-faktor yang baik yang terdapat di negara ini seperti kestabilan politik dan ekonomi, polisi-polisi yang liberal, sumber-sumber alam yang banyak, tenaga buruh yang berdisiplin dan setanding dalam pelajaran, kemudahan-kemudahan prasarana yang baik, galakan-galakan cukai yang menguntungkan dan lain-lain.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini adakah benar bahawa masih terdapat ramai pelabur-pelabur asing yang tidak sanggup untuk melabur di negara kita oleh kerana pergolakan politik di rantau ini dan apakah penerangan ataupun penjelasan yang spesifik yang telah disampaikan kepada mereka, misalnya, dari lawatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini apabila beliau melawat negara-negara asing. Saya ingin mendapat tahu apakah penjelasan spesifik yang telah disampaikan kepada mereka bahawa pergolakan-pergolakan politik di rantau ini tidak akan menjejaskan langsung iklim pelaburan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada pertanyaan itu sudah ada jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tetapi kalau ada lagi yang hendak dijelaskan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar. Seperti saya beri, angka-angka tidak menunjuk bahawa keyakinan atas pelaburan-pelaburan di Malaysia ini ada kurang.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Timbalan Menteri yang berkenaan saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri berapa projek pada tahun 1977 dan 1978 sudah diluluskan oleh Kerajaan, saya ingin mendapat tahu berapa projek ini sudah dijalankan dan berapa permohonan ini ditarik balik oleh kerana situasi di Kampuchea dan Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua: Angka-angka ini tidak patut, tidak menasabah diminta dengan tidak ada notis. Tetapi kalau sudah ada angka itu pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh jawab.

Dato Lew Sip Hon: Jika saya tidak salah faham Yang Berhormat itu hendak tahu berapa bilangan usaha projek asing yang telah diluluskan. Saya telah beri dalam jawapan ini dalam tahun 1977—198, tahun 1978—232 dan dalam 8 bulan tahun 1979—182 projek dan dalam pengalaman Kementerian saya ini apabila satu projek sudah diluluskan kita barangkali kena tunggu 1½ tahun sampai 2 tahun baru projek itu dalam operasi. Jadi susahlah saya beritahu di sini berapa sudah dijalankan dan berapa belum sebab ini cuma dalam jangkamasa 2 tahun sahaja.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu rombongan pelaburan dari Jerman Barat datang ke Malaysia. Sebelum mereka itu datang ke Malaysia mereka itu singgah di Jakarta. Di Jakarta mereka itu telah menyain satu agreement dengan Kerajaan Indonesia melabur tidak kurang \$500 juta, kalau tidak silap saya. Selepas itu berapa juta pula pelaburan yang mereka singgah di sini yang mereka itu telah membincangkannya dengan Kerajaan Malaysia ini—di Malaysia ini berapa pula agaknya mereka itu akan melaburkan di dalam negara ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi telah berlaku di Indonesia oleh perwakilan daripada Jerman Barat, benar atau tidak. Tetapi lawatan ini dibuat oleh Menteri Perdagangan Luar Negeri Jerman Barat dan ini cuma meninjau sejauh mana pelaburan daripada pelabur-pelabur daripada Jerman Barat yang ada di Malaysia kita ini dan juga berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri mengenai perkembangan perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan Negara Jerman Barat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Tiong Hong.

(Soalan No. 2 Y.B. Dr Tan Tiong Hong tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan Nombor 3.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

MAS/BRITISH AIRWAYS— PERJANJIAN

3. Datuk Lee Boon Peng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan setelah mengadakan perundingan-perundingan yang berpanjangan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan British, Malaysia telahpun berjaya memperolehi kebenaran daripada Kerajaan British untuk MAS mendapat tambahan penerbangan ke London menerbangkan pesawat-pesawatnya lebih jauh dari Hong Kong; adakah MAS kena membayar apa-apa royalti kepada Pesawat Penerbangan British (British Airways) bagi pemberian-pemberian atau konsesyen-konsesyen itu; sekiranya MAS kena membayar royalti seumpama itu, berikan butir-butir royalti itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada suatu perjanjian perdagangan di antara MAS dan British Airways yang menghendaki MAS membuat bayaran royalti kepada British Airways untuk pembawaan terafik di antara Australia dan United Kingdom.

Perjanjian baru yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan British menetapkan bahawa MAS dan British Airways sepatutnya mengkaji semula perjanjian perdagangan itu dengan tujuan untuk mengatasi perkara pembayaran royalti oleh MAS kepada British Airways.

Oleh kerana persefahaman baru ini sedang dalam rancangan, maka tidaklah patut atau berfaedah kepada MAS dan British Airways mengumumkan butir-butir mengenai "royalti" itu di masa ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada amalan membayar royalti kepada syarikat-syarikat penerbangan kedua ini menjadi amalan di seluruh dunia atau hanya diamalkan di Malaysia ini bila suatu perkara yang dikenakan oleh pihak Syarikat Penerbangan British ini kepada Malaysia untuk mengambil kesempatan daripada kedudukan MAS yang belum kuat.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, menurut keadaan yang dilakukan dalam mana sesebuah penerbangan misalnya mengambil penumpang-penumpang di atas peraturan sixth freedom biasanya termasuk agreement yang dikenakan pembayaran royalti adalah perkara biasa berlaku kepada mana-mana penerbangan.

BAYARAN PAMPASAN KEPADA PEKERJA

4. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan menambah jumlah gantirugi yang dibayar kepada mereka yang mengalami kemalangan sewaktu bertugas tidak kira sama ada mereka bekerja dalam syarikat-syarikat, pihak-pihak swasta dll., memandangkan bahawa jumlah gantirugi yang dibayar pada masa sekarang adalah terlalu rendah dan kelewatan sering berlaku.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa soalan Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai bayaran Pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang mengalami kecederaan atau kemalangan semasa kerja, mengikut Ordinan Pampasan Pekerja, yang berkuatkuasa di Sarawak pada masa sekarang.

Saya sedar bahawa kadar pampasan yang dibayar di Sarawak pada masa ini adalah rendah jika dibandingkan dengan bayaran di Semenanjung Malaysia. Ini ialah kerana Ordinan Pampasan Pekerja 1952, yang berkuatkuasa pada 1-1-1977. Antara lain pindaan tersebut telah menaikkan kadar pampasan sebanyak dua kali ganda misalnya bagi kes kemalangan maut kadar pampasan telah dinaikkan dari \$7,200 atau 36 bulan pendapatan kepada \$14,400 atau 48 bulan pendapatan, yang mana yang kurang.

Perkara yang dihadapi sekarang ialah untuk meluaskan bidangkuasa Ordina itu supaya ianya dapat meliputi pekerja-pekerja di Sarawak. Dalam konteks ini Kementerian saya masih lagi berunding dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk tujuan memperluaskan lagi bukan sahaja Ordinan Pampasan Pekerja 1952 ini, tetapi juga Undang-undang Buruh yang lain.

Adalah menjadi tujuan kita untuk menyelesaikan satu-satu kes kemalangan itu serta membayar pampasannya dengan seberapa segera yang boleh. Akan tetapi kadangkala kelewatan tidak dapat dielakkan dalam memproses pampasan ini supaya ianya menurut seperti dikehendaki di bawah undang-undang, terutamanya sekali di Sarawak di masa kesulitan perhubungan akan menambahkan lagi kelewatan. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mencari jalan dalam usaha untuk mengurangkan kelewatan tersebut.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedari bahawa jumlah bayaran pampasan yang tertakluk di bawah Ordinan Pampasan Pekerja ini sungguhpun telah dipinda diadkan dua kali ganda tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita umpamanya Singapura bahawa jumlah pampasan ini masih sangat rendah dan tidak mencukupi untuk menanggung segala kemalangan yang dialami oleh kaum pekerja. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar maka adakah kadar atau jumlah pampasan ini akan diempat kali gandakan, bukan dua kali ganda.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir senang sahaja untuk sepuluh kali digandakan pun tetapi apa perkara yang kita menghadapi ialah untuk membuat sesuatu yang adil dan patut dalam keadaan yang ada pada masa ini. Dan seperti saya telah mengatakan tadi baru sahaja selama dua tahun dahulu kita membuat kajian dan menaikkan kadar pampasan kepada dua kali ganda. Jika perlu Kerajaan sedia untuk mengkaji perkara ini semula dari masa ke semasa untuk menaikkan kadar itu.

SISTEM PEMERINTAHAN NEGARA

5. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada menjadi amalan pemimpin-pemimpin Barisan

Nasional yang kebetulannya sekarang menjadi parti pemerintah di Malaysia membuat seribu satu janji dan melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan semangat demokrasi berparlimen sebagaimana yang sering berlaku di dalam kempen-kempen pilihanraya kecil dan pilihanraya Negeri Sarawak yang membayangkan penyalahgunaan kuasa oleh Kerajaan, jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu mengetahui, sistem pemerintahan di negara ini adalah berasaskan kepada parti-parti politik. Parti politik yang mendapat sokongan dan kepercayaan yang lebih daripada rakyat adalah parti yang menubuhkan Kerajaan dan memerintah negara. Parti itu, semasa pilihanraya, telah mengemukakan kepada rakyat polisi dan program tindakannya atas perkara-perkara yang tertentu yang difikirkan akan memberi faedah dan kebaikan kepada rakyat dan negara.

Pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sama ada menjadi amalan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional membuat janji-janjian ada kaitannya dengan tanggungjawab serta tugas pemimpin-pemimpin itu. Janji-janji yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada kaitannya secara langsung atau tidak langsung dengan polisi dan program tindakan parti itu. Saya masih ingat bahawa semasa Ahli Yang Berhormat itu menjadi anggota dalam Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat itu telah berbuat demikian. Ini tidaklah salah, malahan sangat betul dan Ahli Yang Berhormat itu telah menjalankan tanggungjawab dan tugasnya. Inilah kenyataan saya secara ringkas kepada bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bahagian yang kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya dukacita tidak dapat menjawabnya oleh kerana soalan itu tidak khusus dan tepat. Ahli Yang Berhormat itu tidak menerangkan apa tindakan-tindakan yang dilakukan yang bertentangan dengan semangat demokrasi berparlimen.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, semangat demokrasi bererti kalau hendak berlawan ini hendaklah sama-sama. Jadi adakah pada pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada waktu ini kalau ada pilihanraya kecil ataupun pilihanraya sesebuah negeri seperti Sarawak seolah-olah pertandingan ini bukan pertandingan antara parti sama parti, tetapi pertandingan Kerajaan dengan parti. Adakah Yang Amat Berhormat fikir begitu; pertandingan pilihanraya kecil ini adalah pertandingan parti dengan Kerajaan, bukan pertandingan parti dengan parti oleh kerana pihak parti yang memerintah ini menggunakan segala alat negara di dalam mengkempakan untuk memenangi pilihanraya dalam kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bertanyakan fikiran seseorang Menteri itu dilarang dalam Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h). Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, kita telah tahu di dalam pilihanraya Barisan Nasional yang sekarang menjadi Kerajaan telah memberi jaminan dan janji-janji berkenaan menghapuskan masalah kemiskinan dan saya ingin bertanya Perdana Menteri jikalau boleh dengan ringkasnya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini rancangan-rancangan untuk menghapuskan kemiskinan ini yang saya ketahui telah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu! Ini soalan yang ke 5.

Dr Tan Tiong Hong: Ya, berkaitan dengan soalan yang ke 5 oleh kerana di soalan yang ke 5 ada disebutkan janji-janji Barisan Nasional ialah janji-janji yang tidak betul dan Barisan Nasional ini tidak bertanggungjawab. Saya ingin tahu daripada Perdana Menteri sebagai pemimpin Kerajaan ini adalah tidak menjalankan janji ini berkenaan dengan menghapuskan masalah kemiskinan sebagai satu janji di dalam pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Setar tidak membangkitkan soal itu. Soal umum itu ialah membuat 1001 janji tetapi tidak dijalankan. Jadi agak saya tidak berkaitan, melainkan kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjawab.

Perdana Menteri: Saya cuma menghargai soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat itu. Ahli Yang Berhormat itu adalah dari Parti Barisan Nasional tetapi malangnya dia terlambat sedikit, sepatutnya soalan itu dibangkitkan pada soalan yang kedua (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa antara contoh-contoh di mana ada berlaku peristiwa-peristiwa yang bertentangan dengan semangat demokrasi berparlimen dalam pilihanraya khasnya termasuk pilihanraya umum yang baru-baru ini diadakan di Sarawak ialah di mana kegunaan wang berjuta-juta ringgit dan bukan sahaja melanggar undang-undang yang menghadkan kegunaan wang dalam pilihanraya, tetapi juga bertentangan dengan erti demokrasi oleh kerana kalau wang yang tidak terhad dibenarkan digunakan ini bukan satu pertandingan parti-parti atau program dengan program tetapi wang sahaja dan orang yang ada wang barulah boleh dapat hasil dalam pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya hendak benarkan soalan ini dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya hendak tahu wang yang dibelanjakan ini untuk urusan pilihanraya atau wang pembangunan?

Tuan Lim Kit Siang: Untuk kempen dalam kawasan dan mungkin termasuk kedua-duanya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab tadi berkenaan dengan bahagian yang kedua Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tidak ada menyebutkan dengan khusus, dengan tepat. Sekarang ini Ahli Yang Berhormat yang lain pula membangkitkan sesuatu perkara yang tepat dan khusus dan saya minta notis.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada menjadi satu kesalahan daripada segi kepartian ataupun daripada segi demokrasi bagi seseorang pemimpin ataupun sesebuah parti politik membuat janji ataupun mengeluarkan manifesto dalam masa

pilihanraya yang mana janji-janji ini mereka tahu akan dapat mereka tunaikan bukan sahaja dengan baik tetapi dengan cemerlang. Jadi saya ingin bertanya sama ada menjadi satu kesalahan daripada segi demokrasi?

Perdana Menteri: Saya menghargai soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya tidak dapatlah menjawab soalan yang meminta pandangan saya di atas perkara yang disebutkan itu.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada berlawanan dengan demokrasi atau tidak sekiranya seorang ataupun beberapa orang Menteri menyatakan bahawa jika sekiranya rakyat tidak mengundi Barisan Nasional maka projek-projek yang telah diluluskan di satu kawasan pilihanraya itu akan ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ini juga bertanyakan fikiran dan sekiranya perkara-perkara yang belum berlaku (*hypothetical case*); itu adalah dilarang. Cuba baca betul-betul Peraturan Mesyuarat 23 (1) (*h*) ini. Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat mengetahui di mana-mana negara demokrasi dalam dunia ini apabila hampir hendak pilihanraya semua jentera Kerajaan dalam negara itu berhenti, tinggal parti sahaja bergerak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang lagi sekali. Apa yang berhenti dan apa yang bergerak? (*Ketawa*).

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat mengetahui di mana-mana negara demokrasi dalam dunia ini apabila hampir hendak pilihanraya semua jentera Kerajaan dalam negara itu berhenti, tinggal parti sahaja bergerak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu di luar daripada soalan asal.

MAS—KAPALTERBANG AIRBUS

6. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rancangan pihak MAS sesudah membeli kapalterbang baru "Airbus" kelak dan di manakah nanti arah perjalanan udaranya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, MAS telah menerima sebuah kapal-terbang Airbus yang pertama dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada 4hb November, 1979. Dua buah lagi akan diterima dalam bulan Disember, 1979. Adalah dicadangkan bahawa kapalterbang-kapalterbang ini akan digunakan bagi perkhidmatan di rantau ini iaitu seperti berikut:

Kapalterbang Airbus yang pertama (tarikh mula perkhidmatan: 16hb November, 1979)

<i>Perjalanan</i>	<i>Kekerapan mingguan</i>
Kuala Lumpur-P. Pinang-Madras dan balik	1 kali seminggu
Kuala Lumpur-Madras dan balik	1
Kuala Lumpur-P. Pinang-Hong Kong dan balik	2
Kuala Lumpur-Jakarta-Perth dan balik	2

Kapalterbang Airbus yang kedua dan ketiga (tarikh mula perkhidmatan: 1hb Januari, 1980)

<i>Perjalanan</i>	<i>Kekerapan mingguan</i>
Kuala Lumpur-Hong Kong-Taipei-Tokyo dan balik ...	3 kali seminggu
Kuala Lumpur-P. Pinang-Hong Kong-Taipei-Tokyo dan balik	2
Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Taipei-Seoul dan balik ...	2
Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Hong Kong dan balik ...	2

Tuan Chan Teck Chan: Sebelum MAS atau Kerajaan membeli Airbus ini, adakah MAS atau Kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyasat dan mengkaji keselamatan Airbus ini supaya jangan peristiwa seperti DC-10 itu berlaku, bila kita membelinya akhirnya kita dapati tidak selamat dipakai untuk penumpang-penumpang.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya soalan ini soalan lain daripada soalan pokok yang asal.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian Pengangkutan akan menggunakan Airbus ini kelak untuk penerbangan bagi mereka yang akan menunaikan fardhu Haji ke Mekah mulai tahun hadapan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Pada rancangannya menurut keadaan sekarang penerbangan ke Mekah digunakan DC-10.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan

Menteri, selepas MAS sudah membeli kapal-terbang baharu Airbus ini yang lebih besar dari kapalterbang yang ada sekarang di dalam Perkhidmatan MAS, adakah MAS ingin mengurangkan lagi harga tiket-tiket untuk menggunakan kapalterbang Airbus ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Bagi menjawabnya bergantunglah kepada keadaan dan kemungkinan cara penggunaannya.

PEMBERHENTIAN PEKERJA LADANG DAN INDUSTRI

7. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar akan bilangan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan di ladang dan industri semenjak 1hb Januari, 1979 dan nyatakan sebab-sebabnya pemberhentian ini dan berapakah pekerja-pekerja yang telah dihentikan itu telah diberi kerja lagi atau mendapat kerja lain dan apa pertolongan, jika ada, Kementerian memberi kepada pekerja-pekerja yang dihentikan dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada pekerja-pekerja yang telah diketepikan (retrenched) di ladang-ladang dan industri-industri sejak 1hb Januari, 1979. Mengikut perangkaan yang diterima oleh Kementerian saya sehingga 31hb Oktober tahun ini seramai 1,720 orang pekerja telah diketepikan di dalam perusahaan ladang dan lain-lain industri. Antara sebab-sebab pengenehan kerja itu ialah penjualan ladang, kemerosotan perniagaan, penamatan kontrek satu-satu projek, kebakaran kilang ataupun lain-lain. Dari jumlah itu seramai 291 pekerja mendapat kerja semula dengan majikan masing-masing. Oleh kerana tiada rekod yang berasingan dibuat di dalam daftar pencari-pencari kerja di Pejabat Pekerjaan Kementerian saya mengenai pekerja-pekerja yang diberhentikan itu maka tidaklah dapat saya kemukakan angka-angka di kalangan mereka yang mendapat kerja yang lain.

Apabila ada kemungkinan atau berlakunya pengenehan pekerja-pekerja pegawai-pegawai Kementerian saya akan segera mendapatkan butir-butir lanjut mengenainya dan mendaftarkan pekerja-pekerja yang terlibat untuk bekerja semula atau mendapatkan pekerjaan yang lain di lain-lain perusahaan. Mereka ini akan diberi keutamaan untuk mendapat pekerjaan. Mengikut pengalaman biasanya kebanyakan mereka ini mudah ditempatkan dalam pekerjaan oleh kerana mereka mempunyai pengalaman kerja. Walau bagaimanapun usaha-usaha adalah sentiasa dijalankan oleh Kementerian saya untuk mengelakkan atau mengurangkan terjadinya pengenehan pekerja itu. Misalnya apabila sesuatu majikan melaporkan kepada Kementerian saya bahawa ia bercadang hendak mengenehan pekerja-pekerjanya usaha-usaha dan langkah-langkah perlu adalah dijalankan untuk menasihati majikan tersebut dengan tujuan dapat mengurang atau menghadkan pengenehan kerja itu dengan cara mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (1) menghadkan pengambilan pekerja;
- (2) menghadkan kerja-kerja lebih masa;
- (3) menghadkan kerja pada cuti mingguan;
- (4) mengurangkan bilangan giliran atau hari kerja dalam seminggu;
- (5) mengurangkan masa bekerja di tiap-tiap hari;

- (6) memberi latihan semula atau pertukaran pekerja-pekerja yang terlibat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak kali Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berjanji di Dewan ini bahawa pihak Kerajaan dan Kementerian Buruh akan memperkenalkan bayaran retrenchment (retrenchment benefit) untuk pekerja-pekerja yang diretrench. Tetapi sudah tiga tahun tiada apa-apa diperkenalkan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada Kementerian Buruh sudah sampai satu masa di mana boleh mengadakan peraturan-peraturan atau undang-undang menetapkan pembayaran retrenchment benefits untuk pekerja-pekerja yang diretrench atau kita masih dalam tempoh di mana ada jaminan yang kosong sahaja.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah beberapa kali mengatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan akan membuat peraturan itu dan pada session yang dahulu saya telah menyatakan bahawa ada beberapa kerumitan tertentu yang kita cuba mengatasi dan sukacitalah saya memberitahu bahawa pada masa ini kita sudahpun siap dengan tindakan-tindakan siasatan dan merangkakan peraturan itu dan kita harap tidak lama lagi akan dapat menguatkuasakan peraturan tersebut.

GURU PELATIH BUKAN MELAYU

8. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bilangan orang-orang bukan Melayu yang diambil untuk dilatih sebagai guru-guru adalah sangat kurang, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menentukan bahawa pengambilan guru-guru pelatih pada masa akan datang akan mencerminkan komposisi kaum masyarakat kita.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, saya menganggap apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat guru-guru pelatih ialah mereka yang diambil di Maktab Perguruan. Pemilihan guru-guru pelatih untuk mengikuti kursus latihan perguruan di Maktab-maktab Perguruan yang dijalankan oleh Suruhanjaya

Perkhidmatan Pelajaran, iaitu suatu badan yang bebas, adalah mengikut syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dan bukannya mengikut komposisi kaum.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar semenjak 10 tahun dahulu hingga hari ini hanya 20% sahaja orang-orang bukan bumiputra yang diterima masuk ke Maktab Perguruan ini dan 80% bumiputra. Saya ingin mendapat tahu adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar dalam masa ini beberapa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tidak ada guru dan masa ini kebanyakan ada temporary teachers sahaja. Sebab itu apakah langkah atau tindakan yang diambil oleh Timbalan Menteri Pelajaran untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi ada dua soalan tambahan. Satu mengenai 20% sahaja bukan bumiputra yang masuk ke Maktab Perguruan dan kedua mengenai ketiadaan guru-guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Tuan Lee Kaw: Ya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, ada dua perkara, yang pertama Sekolah Cina jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang lain tentulah bilangannya kecil sedikit. Tentulah pengambilan guru-guru bilangannya kecil sedikit. Ini adalah satu hakikat yang simple yang boleh difahami. Dan juga dikatakan saya sedar atau tidak kadang-kadang sekolah tidak ada guru. Statement ini tidak betul kalau dikatakan sekolah itu tiada guru, macam mana ada sekolah. Kalau katanya sekolah itu tidak cukup guru terlatih, ini boleh diterima sedikit.

Untuk mengatasi perkara ini, kita sudah ada satu rancangan guru-guru supaya kita akan menambahkan lagi pengambilan guru-guru supaya boleh dapat mengatasi perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian telah dibuat lima enam tahun dahulu—sekolah-sekolah pengaliran bahasa Cina kekurangan lebih kurang 8% guru-guru terlatih. Tetapi sampai hari ini oleh kerana kita ada program-program untuk latihan guru tambahan ini, barangkali kita sudah rendahkan

angka itu kepada satu taraf lebih kurang tujuh atau lapan peratus. Jadi dengan program kita yang sedia ada, barangkali kita boleh kurang peratusannya.

Tuan Au How Cheong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini bahawa berapakah bilangan guru-guru sementara sekarang ini dan dalam perkara pengambilan guru-guru pelatih itu adakah mereka diberi pertimbangan ataupun keutamaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, perkara ini saya pun sudah jawab dalam sesi Parlimen yang lalu iaitu angka-angka yang kita telah dapat daripada Jabatan-jabatan Pelajaran negeri masing-masing setakat hari ini lebih lagi 1,200 guru sementara. Jadi baru-baru ini kita telah buat satu keputusan iaitu menawarkan kepada pihak guru-guru sementara jikalau mereka mempunyai basic kelayakan yang minima itu mereka akan dapat diberikan keistimewaan untuk menghadiri kursus latihan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam masa lima tahun kebelakangan ini Persatuan-persatuan Guru-guru atau Pengelola-pengelola ataupun Persatuan Guru-guru Sementara ada mengadu dan menghantarkan laporan kepada Kementerian dan menyatakan bahawa seluruh negara kita Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China menghadapi masalah guru-guru yang terlatih yang sangat serius. Maka sebagai langkah yang positif untuk mengatasi masalah ini adakah Kementerian Pelajaran akan mengizinkan kursus latihan SRC dijalankan supaya semua guru-guru sementara waktu yang tidak terlatih ini boleh dilatih sampai tamat supaya guru-guru yang terlatih boleh dibekalkan kepada semua sekolah yang menghadapi masalah kekurangan guru-guru.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus SRC dan juga SRT, Kementerian Pelajaran telah membuat satu keputusan iaitu kita tidak akan melanjutkan kursus pada masa cuti ini oleh kerana ada masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian khususnya Bahagian Latihan Guru oleh kerana mulai tahun depan kita

akan memanjangkan kursus latihan harian itu kepada 3 tahun daripada 2 tahun. Ini bermakna jikalau kita melanjutkan kursus masa cuti bagi SRC ini barangkali mereka akan mengambil masa yang panjang lagi. Barangkali 4½ tahun baru boleh mereka dianggap sebagai guru terlatih. Dan itu pun mereka mestilah boleh mendapat kepujian di dalam Bahasa Malaysia dalam masa latihan. Jadi memandangkan perkara ini, kita barangkali akan berikhtiar supaya guru-guru sementara ini jikalau mereka mempunyai kelayakan-kelayakan minima itu jadi kita akan menambahkan bilangan untuk mereka itu memasuki di dalam latihan harian. Ini sebagai satu langkah yang positif untuk mereka. Dan juga barangkali jikalau kita memanjangkan kursus ini barangkali kualiti guru ini kita pun ambil pertimbangan juga. Jikalau kita boleh beri mereka full-time training tentulah kualiti guru ini lebih baiklah berbanding dengan guru dilatih semasa cuti.

LADANG KEBUN KECIL GETAH

9. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapakah jumlah luas ladang/kebun kecil getah yang telah ditukarkan dengan tanaman kelapa sawit seluruh negara dan tindakan langkah menukarkan tanaman getah kepada kelapa sawit ini akan menjejaskan perkembangan perusahaan getah di negara ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan yang didaftarkan setakat tahun 1978 seluas 555,771 ekar kawasan getah telah ditanam dengan kelapa sawit di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah ini keluasan ladang yang terlibat adalah seluas 461,921 ekar sementara kawasan kebun kecil pula adalah seluas 53,850 ekar. Walau bagaimanapun, dengan adanya usaha-usaha tanaman baru getah oleh ejensi-ejensi awam seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya maka keluasan tanah getah di Semenanjung Malaysia telah bertambah dari 4.04 juta ekar pada tahun 1960 kepada 4.34 juta ekar di penghujung tahun 1978.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat langkah menukarkan tanaman getah kepada kelapa sawit sebagaimana dibuat di masa yang lepas terutamanya di tahun-tahun 1960an adalah sejajar dengan dasar Kerajaan

bagi menggalakkan usaha-usaha mempelbagaikan tanaman-tanamannya yang bertujuan meluaskan lagi kedudukan ekonomi Malaysia.

Keadaan harga getah yang tidak akan begitu tetap dan tidak stabil berikutan dari tandingan yang kuat dengan getah tiruan juga menggalakkan berlakunya keadaan penukaran kepada kelapa sawit. Namun demikian, dilihat dari segi kepentingan negara keseluruhannya didapati dalam keadaan-keadaan yang lepas penukaran ini adalah menguntungkan negara dari segi pendapatan dan penukaran wang luar negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memang memerhatikan perkembangan perusahaan getah dari semasa ke semasa dan cuba menyesuaikan perkembangan perusahaan ini dengan kehendak-kehendak permintaan dan harga getah dunia. Dengan itu langkah-langkah positif telah diambil bagi menambahkan lagi tanaman getah, terutamanya dengan keadaan harga getah yang lebih stabil dan menguntungkan pada masa ini.

Persaingan dari getah tiruan yang semakin berkurangan yang menjadi salah satu sebab meletakkan harga getah asli supaya lebih kukuh juga mendorong kita mengambil langkah-langkah ini. Tambahan pula dengan selesainya rundingan ke atas Perjanjian Penstabilan Harga Getah Antarabangsa yang dirundingkan di Geneva di dalam masa lebih daripada 2½ tahun, maka perjanjian ini sudah tentu akan memberi keyakinan yang lebih bagi perkembangan perusahaan getah asli. Dengan adanya jaminan dari perjanjian ini bagi menjaga harga getah dari jatuh ke paras yang tidak ekonomi.

Pengurangan cukai eksport yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan baharu-baharu ini sudah tentu akan memberi galakan yang lebih kepada pengeluaran bagi menambahkan tanaman getah di masa hadapan. Sejajar dengan perkembangan ini, Kementerian saya telahpun menyediakan satu memorandum dikenali Dasar Pengeluaran Dinamik untuk perusahaan getah asli yang akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri tidak lama lagi. Saya berharap dengan pelaksanaan Dasar Pengeluaran Dinamik ini maka langkah-langkah yang sewajar akan dapat diambil bagi memperkokohkan dan memperluaskan lagi tanaman getah sama ada di kawasan-kawasan yang sedia ada atau dengan memajukan

tanah-tanah baharu untuk tanaman getah. Di samping itu Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Pertanian Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga sedang meneliti kemajuan dan perkembangan perusahaan getah asli dalam konteks kemajuan pertanian keseluruhannya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini pendapatan-pendapatan yang telah didapati oleh peneroka-peneroka FELDA yang berasaskan kepada kelapa sawit dan juga getah telah menimbulkan kegelisahan kepada rakyat. Misalnya kita mendengar bahawa peneroka-peneroka ladang kelapa sawit mendapat pendapatan hingga \$3,000 sebulan dan kebiasaan \$1,000 hingga \$1,500 sebulan sedangkan mereka yang berasaskan kepada getah hanya mendapat \$300/400 sebulan, jadi apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh pihak RRI untuk mempertingkatkan lagi mutu pengeluaran getah di negara kita ini pada pendapatan ataupun hasil pengeluaran getah seekar dapat kita tinggikan lagi supaya pendapatan para petani akan dapat diseimbangkan.

Saya juga ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk meninggikan lagi ataupun untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha rubber based industries di negara kita ini supaya harga getah akan dipertingkatkan lagi ataupun distabilkan di masa-masa akan datang.

Dato Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab FELDA bukan di bawah Kementerian saya, saya fikir tidak wajar bagi saya untuk menjawab soalan tambahan ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengurangkan eksport duti di atas getah asli.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan iaitu apabila sesuatu ladang ataupun seseorang tuan punya ladang kecil ingin menukarkan daripada getah kepada ladang kelapa sawit ataupun pekebun kecil kelapa sawit, apakah pihak-pihak yang berkenaan ini terpaksa meminta nasihat ataupun minta kebenaran daripada pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Soalan yang kedua, memandangkan bahawa keadaan harga pasaran kelapa sawit sekarang ini melambung tinggi begitu rupa, adakah pihak Kementerian Perusahaan Utama bercadang hendak menasihatkan kepada bakal-bakal tuan punya ladang yang baharu dan juga kepada pihak FELDA, FELCRA atau sebagainya untuk menanam kelapa sawit dan tidak menanam getah.

Dato Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pekebun-pekebun kecil boleh mendapat keuntungan yang lebih tinggi daripada penanam-penanam kelapa sawit. Pada masa ini, saya fikir mereka boleh mendapat keuntungan sebanyak \$1,000 seekar setahun dibandingkan dengan menanam getah asli sebanyak \$650 setahun seekar. Tetapi masa hadapan getah asli adalah cerah, oleh sebab itu saya harap pada masa akan datang FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya boleh menanam pokok getah asli yang lebih.

RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH DI JULAU

10. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada terdapat sebarang rancangan projek pembangunan tanah secara besar-besaran di Daerah Julau.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada cadangan untuk mengadakan sebarang projek pembangunan tanah secara besar-besaran oleh agensi Kerajaan Pusat di Daerah Julau.

Dalam perkara ini saya suka juga menarik perhatian Yang Berhormat kepada jawapan saya pada 5hb November, 1979. Walau bagaimanapun saya telah difahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Sarawak melalui SALCRA sedang mengkaji kemungkinan membuka rancangan tanah di Daerah Julau di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

KOMPLEKS RADIO/TV—PEMBINAAN

11. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembinaan Kompleks Radio/TV di Angkasapuri sepatutnya menitikberatkan lebih kepada pembinaan

studio daripada pejabat dan daripada pengalaman yang lepas sama ada beliau akan berikhtiar menambahkan lagi bilik studio untuk membolehkan rakaman-rakaman dibuat tanpa menunggu giliran yang begitu lama sehingga sesuatu program itu memakan masa. Sekiranya bilik studio di Angkasapuri tidak mencukupi, adakah beliau bercadang mengadakan rakaman di tempat-tempat lain, seperti di Filem Negara untuk menampung kekurangan bilik-bilik studio. Dan sama ada pengumuman tayangan TV Warna/Hitam Putih tidak perlu diberitahu, kerana walau apa yang ditayangkan bagi TV Hitam Putih tidak ada apa-apa perbezaan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa pembinaan kompleks Radio dan TV lebih menitikberatkan ruang pejabat daripada kelengkapan studio atau teknikal. Umpamanya dalam projek pembangunan antara 1976 hingga 1980 \$18.7 juta adalah diperuntukkan bagi tanah dan bangunan dan \$61.1 juta diperuntukkan bagi kos kelengkapan-kelengkapan teknikal. Yang sebenarnya dari hitung purata kakitangan-kakitangan tetap RTM di Angkasapuri mempunyai ruang pejabat sebanyak 75 kaki persegi bagi setiap orang malahan peruntukan yang sewajarnya adalah 150 kaki persegi bagi Pegawai Division I, 120 kaki persegi bagi Pegawai Division II dan 90 kaki persegi bagi Pegawai Division III dan peringkat Pegawai Rendah.

Dalam rancangan pembangunannya, RTM sentiasa menitikberatkan kelengkapan-kelengkapan studio dan rancangan-rancangan kelengkapan yang ada kaitannya dengan penambahan bilangan serta mutu rancangan-rancangan tempatan.

Pengumuman yang dibuat tentang sama ada tayangan filem itu secara hitam putih atau berwarna adalah ditujukan kepada penuntut-penuntut bagi menunjukkan kemajuan yang dicapai oleh RTM dalam usahanya menyiarkan rancangan-rancangan warna berbanding dengan rancangan-rancangan hitam putih. Sebagai yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, Kementerian Penerangan telah menetapkan supaya pihak RTM mencapai matlamat siaran warna TV secara beransur-ansur. Pengumuman tayangan TV

warna atau hitam putih adalah untuk menerangkan rancangan-rancangan yang mana disiarkan dalam warna dan membolehkan penuntut-penuntut TV hitam putih mengetahui perkembangan yang berlaku.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan untuk memberi penarikan yang lebih kepada filem-filem TV, apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan atau memperbanyakkan lagi shooting-shooting filem TV ini di luar daripada studio?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, latihan sedang dijalankan untuk melatih kakitangan-kakitangan RTM untuk membolehkan mereka menggunakan alat-alat baharu yang kita dapat seperti O.V. Van (Outside Broadcast Van) dan lain-lain alat seperti E.N.G. (Electronic News Gatherers) dan juga E.F.P. yang akan datang tahun depan.

PASUKAN POLIS SABAH— KEKURANGAN TENAGA

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pasukan polis di Sabah sedang menghadapi kekurangan tenaga dan alat kelengkapan yang menjadi satu rintangan dalam menentang jenayah yang terbukti dengan bertambahnya kadar kes-kes jenayah di negeri itu jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki serta memodenkan pasukan polis di Sabah untuk mengurangkan kadar kes-kes jenayah yang membimbangkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa Pasukan Polis Sabah sedang menghadapi kekurangan tenaga dan alat kelengkapan. Malah dengan keanggotaan dan kelengkapan yang ada sekarang ini maka pihak Polis Sabah telah dapat membendung kadar kejadian jenayah di negeri tersebut.

Daripada angka kes-kes jenayah yang terdapat bagi tahun 1977 dan tahun 1978 hingga bulan Jun 1979 ini penambahan bilangan

kes-kes jenayah adalah kecil dan tidaklah membimbangkan. Misalnya bagi tahun 1977/1978 bilangan kes jenayah yang bertambah hanya 9 kes sahaja iaitu .38%. Ini juga adalah hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak polis Sabah dengan kerjasama orang ramai.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan untuk membesar dan memodenkan Pasukan Polis adalah sedang giat dilaksanakan sekarang. Ianya adalah termasuk menambah bilangan keanggotaan Polis, memোকalkan anggota-anggota Polis dengan senjata-pisang yang moden, membeli kenderaan dan juga bot-bot merin yang baru serta juga menghantar anggota-anggota Polis untuk mengikuti kursus-kursus profesional di dalam dan juga di luar negeri. Rancangan pembersaran dan pemodenan ini adalah juga merangkumi bagi Pasukan Polis Sabah itu.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa tidak benar bahawa kekurangan tenaga wujud di Sabah mengenai anggota-anggota Polis. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Polis Sabah pernah minta untuk tenaga tambahan pihak Polis, khusus Merin Polis dan apakah pihak Kementerian masih tidak mahu juga menghantar tenaga (manpower) tambahan ke Sabah selepas berlaku peristiwa "Saleha Baru"?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya kaitkan tentang kejadian jenayah dengan tenaga Polis yang ada sekarang ini. Maka dengan tenaga dan kelengkapan yang ada sekarang ini saya telah menegaskan tidaklah melibatkan atau menambahkan keadaan jenayah. Tentang kekurangan anggota, maka ini adalah dirasakan oleh semua negeri dalam negara kita ini, termasuklah Sabah dan rancangan bagi membesar dan juga memperbanyakkan anggota Polis itu sedang dijalankan dalam rancangan yang saya katakan tadi, iaitu bagi seluruh negara kita ini, termasuklah negeri Sabah sekali.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menghuraikan langkah-langkah untuk membesar dan melengkapkan Pasukan Polis, ini adalah baik tetapi lambat sangat program

perlaksanaannya itu. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada balai-balai polis yang besar yang menjaga kawasan yang luas dan ramai penduduknya dianggotai oleh seorang sahaja anggota Polis yang bertugas di balai itu pada malam hari, termasuk menjaga orang-orang yang duduk dalam tahanan lokap sampai 20 orang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga sedar bahawa kebanyakan balai-balai Polis di bandar-bandar besar dan juga di kampung-kampung di daerah-daerah pedalaman mengalami kekurangan kenderaan yang amat teruk dan kadang-kadang ada pula kenderaan tidak ada drebar?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau perkara yang khusus seperti ini cuba sebutkanlah balai Polis mana? Kalau umum begitu sahaja payahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hendak menjawab?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ini umum (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan No. 13 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

PENGURANGAN KADAR KEMISKINAN

2. Dr Tan Tiong Hong minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana kejayaan Kerajaan dalam rancangannya untuk menghapuskan kemiskinan.

Perdana Menteri: Seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga (RMT), Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49% dalam tahun 1970 kepada 43.9% dalam tahun 1975 dan seterusnya kepada 36.6% bagi tahun 1978.

Kemiskinan dalam sektor pertanian dan sektor bukan pertanian pada keseluruhannya telah berkurang dengan pesatnya. Dalam tempoh empat tahun (1975-1978) kadar kemiskinan di sektor pertanian telah berkurang daripada 63% kepada 54.6%, sementara sektor bukan pertanian daripada 26% kepada 22%.

Dengan pengurangan kadar kemiskinan itu, pendapatan bulanan purata isi rumah semua kaum bagi kumpulan pendapatan 40% terendah telah juga ditingkatkan dari \$76 sebulan dalam tahun 1970 kepada \$138 sebulan dalam tahun 1976. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga pendapatan bulanan purata tersebut mengikut kaum dalam tempoh masa tersebut ialah seperti berikut:

	1970	1976
	\$	\$
Melayu	56.76	100.20
Cina	135.93	245.00
India	112.48	198.70

Rancangan membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan adalah menyeluruh bagi semua kaum di sektor luar bandar dan bandar. Di antara usah-usaha yang telah dan akan dijalankan dalam program membasmi kemiskinan termasuklah rancangan pembangunan tanah, rancangan pembangunan *in situ* seperti rancangan parit dan taliair, penanaman semula getah, kelapa dan nenas serta projek-projek yang disatukan (integrated projects). Di samping itu Kerajaan akan terus menambah penyediaan kemudahan sosial seperti program perumahan kos rendah, perluasan perkhidmatan kesihatan, pelajaran, kemudahan letrik dan bekalan air dan sebagainya bagi sektor bandar dan luar bandar. Dengan adanya iklim pelaburan yang baik peluang pekerjaan juga telah bertambah dengan pesatnya terutama dalam sektor pembuatan.

HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM

13. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa pembinaan blok empat tingkat di Hospital Daerah Bukit Mertajam dilambat-lambatkan sungguhpun sejumlah 1.2 juta ringgit telah diperuntukkan bagi projek ini pada tahun 1977 bila projek ini akan dimulakan dan bila ia akan disiapkan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Kementerian tidaklah melambat-lambatkan pembinaan blok empat tingkat bagi Hospital Daerah Bukit Mertajam itu. Kelewatannya tidak dapat dielakkan akibat kesulitan menyesuaikan plan tata-atur (lay-out)

bangunan itu dengan keadaan ruang tapak yang agak terhad dalam kawasan Hospital tersebut.

Walau bagaimanapun, saya sukacita memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bahawa tawaran tender untuk projek tersebut telahpun disetujuterima. Pembinaan akan dimulakan sedikit masa lagi. Projek blok wad 4 tingkat itu kini dijangka siap pada tahun hadapan.

PEJABAT RIMV DI SELANGOR/ WILAYAH PERSEKUTUAN

14. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pejabat-pejabat RIMV di Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menjadi sesak tiap-tiap hari oleh kerana kakitangan yang tidak mencukupi untuk melayani beban kerja yang bertambah berhubung dengan berbagai perkhidmatan yang diberikan oleh pejabat-pejabat RIMV dan apakah rancangan-rancangan lain yang sedang dirangkakan oleh Kementerian beliau bagi memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pejabat-pejabat RIMV ini kepada orang ramai.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Saya sedar.

Tidak betul untuk mengatakan bahawa kesesakan di pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan adalah semata-matanya disebabkan oleh kekurangan kakitangan.

Kedudukan perjawatan bagi kedua-dua pejabat tersebut telah dan sedang ditambah mengikut beban kerjanya dari semasa ke semasa. Punca masalah sebenarnya adalah disebabkan kekurangan ruang pejabat dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Untuk mengatasi masalah-masalah ini, Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya sedang merancang untuk membina bangunan-bangunan baru dengan segala kemudahan bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu, Jabatan itu juga ada rancangan untuk mengujudkan sistem komputer untuk mencekapan lagi perjalanan pentadbirannya.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

15. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah konkrit akan diambil bagi memperbaiki dan memodenkan selanjutnya Lapangan terbang Antarabangsa Subang untuk mengendalikan keperluan-keperluan semasa dan akan datang pengangkutan udara.

Dato' Lee San Choon: Lapangan terbang Antarabangsa Subang telah direka dan siap dibina pada tahun 1965 dan semenjak itu terafik penerbangan awam telah mengalami perkembangan yang pesat. Dengan yang demikian Lapangan terbang Antarabangsa Subang perlu diperbesarkan dan dipermodenkan.

Lapangan terbang Antarabangsa Subang sekarang mengalami kesesakan untuk menampung keperluan semasa dan masa hadapan dan bagi maksud ini Lapangan terbang Antarabangsa Subang akan diperbesarkan dari 170,000 kaki persegi ke 355,000 kaki persegi. Pembesaran Lapangan terbang Antarabangsa Subang melibatkan pengubahsuaian Bangunan Terminal yang ada sekarang yang akan mempunyai 2 tingkat operasi bagi membolehkan pengendalian 2,600 penumpang dalam satu jam di masa kesesakan. Selain dari bangunan terminal, parking apron akan diperbesarkan dengan 30 ekar lagi di mana 15 ekar akan dapat digunakan pada bulan Jun, 1980 (yang lain itu akan siap pada bulan Jun 1981) dan pembesaran Kompleks Kargo yang meliputi 38 ekar.

Bagi mempermodenkan Lapangan terbang Antarabangsa Subang, 7 "aerobridges" akan dibina bagi keselesaan penumpang-penumpang masuk dan keluar dari kapal terbang. Mereka tidak perlu berjalan kaki atau menaiki bas, tidak kira hujan atau panas, untuk menaiki dan turun dari kapal terbang. Projek Pembangunan Lapangan terbang Antarabangsa Subang dijangka siap pada akhir tahun 1983.

PETRONAS—PAM MINYAK TANAH/DISEL

16. Tuan Hussein bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan sehingga 30-9-79 berapakah bilangan pam-pam penjual minyak disel dan minyak tanah yang dipunyai oleh Petronas. Berikan bilangan mengikut negeri-negeri dan juga jumlah minyak disel dan minyak tanah yang dijual secara runcit oleh pam-pam tersebut, bagi bulan-bulan Jun, Julai dan Ogos, 1979.

Perdana Menteri: Keterangan mengenai bilangan pam-pam penjual minyak tanah dan disel kepunyaan Petronas telahpun saya beritahu di Dewan ini pada 11hb Oktober, 1979, semasa saya menjawab soalan No. 3 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Jumlah minyak disel dan minyak tanah yang dijual secara runcit oleh pam-pam minyak mengikut negeri-negeri tersebut bagi bulan Jun, Julai dan Ogos, 1979 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Keluaran</i>	<i>Jun (gallon)*</i>	<i>Julai (gallon)</i>	<i>Ogos (gallon)</i>
Wilayah Persekutuan dan Selangor..	Disel	225,500	441,800	506,000
	Minyak tanah ..	95,300	125,500	134,300
Johor	Disel	—	31,800	160,700
	Minyak tanah ..	—	9,400	38,900
Trengganu	Disel	—	23,400	70,000
	Minyak tanah ..	—	3,500	6,600
Melaka	Disel	—	—	81,100
	Minyak tanah ..	—	—	21,000
Kelantan†	Disel	—	—	—
	Minyak tanah ..	—	—	—
	Jumlah ..	225,500	497,000	817,800
	Minyak tanah ..	95,300	138,400	200,800

*Imperial Gallon.

†Penjualan bermula dalam bulan September.

Kadar Pertukaran—4.546 Liter = 1 Imperial Gallon.

JAWATAN KOSONG—OPERASI ISI PENUH

17. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan hingga bulan Oktober, 1979 ini, berapakah kekosongan jawatan telah diisipenuhi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sejak ianya melancarkan Gerakan Isi Penuh 40,000 jawatan kosong, sila nyatakan komposisi kaum bagi setiap kumpulan di mana jawatan kosong diisikan, dan juga nyatakan bahawa apakah sebabnya JPA lambatnya mengisikan kekosongan tersebut hingga membawa kelambatan dan gangguan terhadap pelaksanaan projek pembangunan negara kita serta nyatakan bahawa apakah tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Jawapan kepada bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu telahpun diberikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 15hb Oktober, 1979 yang lepas semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat wakil Kuala Lumpur Bandar.

Mengenai bahagian kedua soalan tersebut, sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan bukanlah sengaja melambat-lambatkan pengisian jawatan-jawatan kosong tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa proses pengambilan kakitangan Kerajaan bukanlah satu perkara yang mudah, kerana proses tersebut terpaksa mengambil masa yang agak panjang juga. Bagi mengatasi masalah tersebut kajian terpaksa dijalankan terlebih dahulu bagi menentukan masalah-masalah yang melibatkan sistem pengambilan.

Hasil dari kajian itulah maka Operasi Isi Penuh telah dilancarkan sebagai satu langkah yang luar biasa, dan langkah jangka pendek untuk mempercepatkan proses pengambilan tersebut.

PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA DI UNIVERSITI

18. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang menambah lagi tambahan sebanyak 2% pengambilan pelajar-pelajar bukan Bumiputra ke dalam universiti-universiti tempatan; jika tidak, apakah Menteri berkenaan sedar pengambilan pelajar-pelajar

bukan Bumiputra ke dalam universiti-universiti tempatan adalah sejajar dengan bilangan pelajar-pelajar bukan Bumiputra yang sedang menunggu untuk mendapatkan peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi di negara ini.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kerajaan memang bercadang hendak menambahkan bilangan pelajar yang boleh diambil masuk di universiti-universiti tempatan dari semua kaum tetapi dengan sebab-sebab universiti-universiti tempatan masih lagi di dalam proses pembangunan bilangan pelajar-pelajar yang boleh diterima masuk terpaksa dihadkan. Tambahan 2% yang dimaksudkan itu ialah satu tambahan yang realistik di dalam situasi ini memandangkan kepada kesemua faktor yang perlu diambil kira.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Outward Bound School—Penhinaan Ugama Islam

3. 35 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) bagi menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk tujuan merundingkan satu perkara tertentu yang melibatkan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul saya berbunyi:

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1), Majlis Mesyuarat ini membenarkan Ahli Parlimen Baling, Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Perkara itu ialah berkenaan dengan penghinaan terhadap agama, terutama agama Islam yang dilakukan oleh pihak berkuasa di Outward Bound School, Telok Luroh, Lumut dengan Penguasa OBS itu menyamakan agama dengan dadah dan membandingkan orang yang kuat berpegang kepada agama sebagai penagih dadah. Penghinaan

ini dilakukan oleh Penguasa OBS sebagai membayangkan dasar pusat latihan tersebut sebagai pusat latihan bebas di antara pukul 7.30 dan 3.30 malam, 31hb Oktober 1979 yang lalu.

Langkah segera hendaklah diambil ke atas pusat latihan tersebut dan penguasanya untuk memastikan bahawa amalan atau kegiatan serta dasar OBS tidak memperkecilkan agama Islam sebagai cara hidup bagi sebilangan besar rakyat Malaysia dan menentukan bahawa rancangan-rancangan latihannya tidak boleh menyekat, menghalang atau mengganggu ibadat orang-orang Islam.

Sebagaimana yang telah sedia maklum, beragama ialah cara hidup

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kirim kepada saya berlainan apa yang diucapkan sekarang. Pada masa akan datang kalau berlainan, saya tidak benar terus bercakap. Apa yang saya dapat lain daripada apa yang dilafazkan sekarang.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tambahan sedikit-sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit-sedikit macam mana, tak mengubah apa yang diberi kepada saya itulah dia, kerana saya menimbang di atas usul ini—saya timbang atas apa yang saya terima, bukan apa yang ada pada fikiran Yang Berhormat dan yang dicakapkan sekarang. Ini agak berlainan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya ingat tidak lari daripada itu ialah penghinaan terhadap agama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata bukan lari atau tidak lari, tetapi berlainan daripada apa yang diberi. Mengikut Peraturan Mesyuarat mesti beri kepada saya supaya saya dapat timbangkan. Jadi kalau perkara ini dilafazkan berlainan daripada apa yang saya terima, bagaimana saya hendak menimbangkan? Baik, cuba teruskan, saya tengok sejauh mana larinya daripada asal.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sebagaimana yang telah sedia maklum beragama ialah cara hidup rakyat Malaysia yang diakui oleh Rukunegara dan Islam sebagai agama negara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri ini.

Penghinaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa OBS dengan menyamakan agama sebagai dadah dan mengatur program-program latihan yang tidak menyakinkan amalan peserta-peserta agama Islam sebenarnya adalah menyinggung semua agama dan semua orang yang percayakan Tuhan. Akibat langsung kepada orang ramai ialah dengan tindakan 43 orang pelatih beragama Islam yang dihantar oleh INTAN telah bertindak meninggalkan pusat tersebut sesudah mereka tidak tahan lagi melihat dan mengalami penghinaan yang berterus-terang terhadap agama yang dilakukan oleh pihak penguasa OBS.

Penghinaan yang dilakukan ini perlu di-segara perbincangannya memandangkan amalan menghina agama itu terus-menerus dilakukan dan terutamanya ia mengucap kata-kata penghinaan tersebut dengan kata-kata yang sama diucapkan oleh Karl Marx berasaskan fahaman komunis.

Sebagaimana termaklum, negara kita sedang menghadapi ancaman komunis dari dalam dan luar negeri. Untuk memerangi ancaman komunis secara berkesan hendaklah juga dengan memerangi fahamannya, tidaklah wajar bagi kita yang sedang memerangi komunis membiar perkara itu berlaku. Jika dibiarkan pusat latihan seperti ini dikendalikan oleh negara kita dan pegawai-pegawai kita pula dihantar ke sana untuk mendapat latihan bagaimanakah nanti sikap mereka terhadap agama dan juga faham komunis. Oleh kerana perkara ini menyentuh cara hidup rakyat Malaysia dan juga strategi kita dalam memerangi komunis, saya yakin perkara ini mustahak dibincang dengan seberapa segeranya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang dikirirkan kepada saya pagi tadi berlainan apa yang dilafazkan, atas itu sahaja saya boleh tolak dengan sertamerta. Walau bagaimanapun, isinya ada lebih kurang dengan apa yang dihantar kepada saya ini.

Saya telah menyiasat hal ini semenjak saya terima pagi ini dan saya dapati memang ada kejadian, iaitu 43 orang daripada pelatih P.T.D. ini yang dihantar berlatih

oleh INTAN di Outward Bound School dan ada berselisih faham dengan warden atau yang menjalankan latihan ini di sana dan ada perkataan yang dilafazkan oleh pegawai warden di Outward Bound School itu dan menyebabkan 43 orang ini terus meninggalkan pusat latihan itu dan dengan sebab itu ada 12 orang lain lagi yang bukan Islam telah diperintahkan supaya meninggalkan kawasan ini.

Pada hemat saya adalah menjadi satu keuntungan dan bermenafaat kiranya pegawai-pegawai Kerajaan kita ini bukan sahaja diberi latihan jasmani tetapi diseimbangi dengan latihan rohani. Dengan ini mereka akan menjadi pegawai yang berdisiplin yang tentu lebih berdedikasi dan juga lebih jujur dengan ada perseimbangan latihan jasmani dan rohani ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya tidak nampak bagaimana saya boleh setuju ditangguhkan Dewan ini untuk membincangkan soal ini dan juga dalam penyiapan saya, perkara ini sekarang sedang diasas oleh pihak yang berkenaan supaya perkara ini tidak terjadi lagi.

Dengan sebab itu saya tolak usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (9hb November, 1979).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada

\$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979 adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (9hb November, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada Hari Jumaat yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian baharu sahaja memulakan jawapannya. Sekarang saya jemput supaya diteruskan.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini untuk menyambung semula ucapan saya semasa menggulung perbahasan dasar Belanjawan 1980 pada 9hb November, 1979.

Baharu-baharu ini MARDI telahpun mengeluarkan jenis-jenis padi yang sesuai untuk satu-satu kawasan yang tertentu. MARDI akan terus menjalankan penyelidikan-kannya untuk membangunkan sektor pertanian di negara ini. Kerjasama dengan Kerajaan Thailand akan dijalankan untuk kemajuan sektor pertanian di kedua-dua buah negara. Persefahaman dan persetujuan telah dicapai di antara Kerajaan Thailand dan Malaysia. Secara langsung, rancangan bumi hijau akan lebih dipergiatkan lagi pada masa akan datang.

Menyentuh soal kemajuan koperasi, Kementerian saya bercadang untuk menambahkan lagi peruntukan Jabatan Koperasi untuk membolehkan Koperasi-koperasi yang mengalami masalah kekurangan modal tetapi mempunyai potensi untuk meluaskan usah-usahnya supaya mendapat pinjaman. Selain dari itu Kementerian ini melalui Jabatan Koperasi sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan koperasi yang mengalami masalah pentadbiran dan pengurusan atau dicantumkan koperasi-koperasi tersebut dengan koperasi-koperasi lain yang kawasan koperasinya diperbesar dan bidang kegiatannya berubah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedang berusaha untuk memperkemas dan mempergiatkan lagi jentera-jentera Kerajaan atau agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, untuk mencapai matlamat meninggikan lagi pendapatan kaum petani dan memajukan sektor pertanian. Baharu-baharu ini pelancaran Kompleks Geraktani telah diadakan di 18 buah tempat di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun merasmikan upacara tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan mengadakan Kompleks Geraktani ialah :

- (1) Menyelaraskan dan menumpukan penyediaan perkhidmatan pertanian di peringkat kawasan Geraktani melalui Kompleks Geraktani supaya petani-petani mendapat faedah;
- (2) Memperkemas pengurusan pentadbiran supaya petani-petani tidak keliru jabatan-jabatan, agensi-agensi yang bertanggungjawab mengenai masalah-masalah yang dirujuk kepada Kompleks Geraktani;
- (3) Menambah dan meninggikan pendapatan petani-petani serta mengujudkan satu struktur desa yang progresif;
- (4) Memupuk semangat kemegahan dalam bidang pertanian.

Untuk pelaksanaan tersebut seorang pegawai Kementerian Pertanian selaku Pegawai Penyelaras menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Geraktani, dan dianggotai oleh Jabatan dan Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian. Pegawai Penyelaras akan menentukan segala perkhidmatannya yang diperlukan bagi satu-satu kawasan Geraktani kepada Jabatan atau Agensi yang bertanggungjawab untuk tindakan.

Sebanyak 210 Kompleks Geraktani akan dilancarkan di seluruh Semenanjung Malaysia yang akan merangkumi seluruh kawasan pertanian di negara ini. Dari itu adalah diharapkan matlamat Kerajaan untuk memajukan sektor pertanian akan tercapai dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat salah seorang dari Yang Berhormat memajukan soal pembaziran di dalam pelancaran Geraktani ini. Perlu dijelaskan bahawa tiap-tiap projek dan rancangan Kerajaan haruslah diberitahu

kepada rakyat sekaliannya supaya mereka sedar dan memahami akan tujuan Kerajaan sebenarnya. Tidak dapat dinafikan pelancaran projek ini telah membuka mata kepada semua rakyat petani dan rakyat di seluruh negara tentang rancangan-rancangan pembangunan pertanian di negara ini dan menunjukkan betapa gigihnya Kerajaan berusaha untuk memajukan sektor pertanian. Dari itu soal pembaziran pelancaran Geraktani ini tidak timbul sama sekali kerana wang yang dibelanjakan adalah untuk faedah rakyat khasnya untuk masyarakat petani.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian saya melalui Jabatan Pertanian sedang menjalankan projek perkembangan kebangsaan yang dibiayai oleh Bank Dunia. Tujuan projek ini adalah untuk merapatkan lagi hubungan di antara Pegawai Pertanian dengan masyarakat petani di mana seorang Juruteknik Pertanian ditugaskan untuk melawat dan memberi nasihat mengenai cara-cara pertanian yang baik kepada 800 keluarga petani pada tiap-tiap dua minggu.

FAMA juga sedang mengatur rancangan untuk mengadakan bilik-bilik sejuk dan lori-lori sejuk untuk menyimpan hasil-hasil pertanian yang berlebihan supaya dapat disimpan lebih lama. Dari itu masalah pemasaran hasil-hasil tersebut akan dapat diatasi. Kementerian saya dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian sedang berusaha dengan giatnya untuk berkhidmat kepada petani-petani dan segala aktiviti-aktiviti ini akan kelak diselaraskan di dalam Kompleks Geraktani. Dari itu Kompleks Geraktani akan merupakan tempat di mana petani akan dapat mengatasi masalah dan segala faedah-faedah yang disediakan oleh Kerajaan.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang tertinggal minggu lepas dan setelah itu saya akan jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kemudian baharulah saya akan jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya jemput sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat di atas perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian saya ketika membahas Belanjawan tahun 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober, 1979.

Memang menjadi objektif Kementerian saya merumus, merancang dan melaksanakan pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang bermutu khasnya jalanraya, bekalan air dan bangunan-bangunan Kerajaan untuk memenuhi keperluan pembangunan, sosial dan ekonomi negara terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan Kementerian saya juga mempunyai program-program yang tertentu bagi menyelenggara, membaiki mutu dan meninggikan taraf infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang sedia ada dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi projek-projek pembangunan Kementerian saya adalah berjumlah sebanyak \$2,972,576,069. Pada keseluruhannya kadar kemajuan pelaksanaan projek-projek adalah memuaskan. Sungguhpun berbagai-bagai masalah tertentu seperti masalah kekurangan tenaga pekerja yang mahir, masalah tanah dan lain-lain lagi masih terdapat dari masa ke semasa, langkah-langkah positif dan serius adalah diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini. Seterusnya Kementerian saya akan terus berusaha dengan lebih keras lagi untuk menggiatkan jentera pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang perkara-perkara tertentu mengenai Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah menggesa supaya peruntukan yang lebih banyak disediakan untuk membina dan membaiki jalan-jalanraya di negeri Sabah. Sukacita saya memaklumkan bahawa peruntukan yang besar adalah disediakan oleh Kerajaan Pusat untuk rancangan-ancangan binaan dan membaiki jalan-jalan di negeri Sabah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$460,159,114 disediakan untuk berbagai-bagai rancangan pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalanraya. Dalam tahun 1980 sahaja peruntukan yang diminta bagi rancangan-rancangan ini adalah sebanyak \$81,432,270. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan yang diminta bagi negeri Sabah bagi projek-projek jalanraya merupakan yang terbesar berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu kira-kira 16% daripada jumlah peruntukan tahun 1980 bagi seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menggesa Kementerian ini menyediakan dan membaiki keadaan jalan-jalanraya dan sempadan-sempadan di negeri Perak, khususnya dalam kawasan Padang Rengas atas faktor-faktor strategi dan kemudahan awam. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyediakan sistem pengangkutan jalan dan perhubungan jalanraya yang sempurna untuk pembangunan sosio-ekonomi serta corak dan kadar pertumbuhan ekonomi. Keutamaan yang tinggi telah diberi kepada usaha membaiki, memperluaskan sistem tersebut untuk menyediakan infrastruktur bagi perkembangan perindustrian serta mempercepat pembangunan, sumber-sumber pertanian dan semula jadi terutamanya di kawasan-kawasan kurang maju. Jalan-jalanraya juga telah dibina untuk kemudahan dari segi keselamatan negara.

Khususnya bagi negeri Perak saya ingin memaklumkan bahawa negeri Perak merupakan salah satu daripada negeri-negeri yang akan memperolehi peruntukan yang besar untuk projek-projek jalanraya dalam tahun 1980 ini.

Daripada jumlah peruntukan sebanyak \$500.4 juta diminta dalam tahun 1980 sebanyak \$72.6 juta ataupun 14.28% adalah untuk projek-projek jalanraya di negeri Perak. Antara projek-projek penting yang akan dilaksanakan di negeri Perak dalam tahun 1980 ialah rancangan pemulihan jalanraya Persekutuan Satu di mana sebanyak \$7.5 juta dipohon. Rancangan ini bertujuan untuk memperkukuhkan permukaan jalanraya dijangka dimulakan tidak lama lagi dalam tahun ini juga. Tawaran baginya telahpun diberikan baru-baru ini.

Di bawah rancangan jalan-jalanraya luar bandar pula peruntukan sebanyak \$27,063,000 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi negeri Perak. Pada keseluruhannya terdapat 43 buah projek jalan-jalan luar bandar di negeri Perak yang panjangnya lebih kurang 171 batu yang terdiri daripada projek-projek sambungan, projek-projek baru dan rancangan menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar yang sedia ada. Di bawah projek-projek sambungan sepanjang 84 batu telahpun disiapkan setakat ini. Di bawah projek-projek baru pula jalan-jalan yang sepanjang kira-kira 42 batu dijangka akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi. Satu kontrak pukal (package contract) untuk projek tersebut telahpun tutup pada 25hb September, 1979 ini dan pada masa sekarang sedang dalam kajian. Sementara itu di bawah rancangan menaikkan taraf jalan-jalan lebuhraya luar bandar yang sedia ada sebanyak 13 projek yang sepanjang 45 batu sedang dilaksanakan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Sarikei telah meminta Kerajaan Pusat membaik dan mengadakan sistem hubungan jalanraya dan infrastruktur yang lebih baik untuk Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berbagai-bagai rancangan pembinaan jalanraya baru dan membina jalan-jalanraya yang telah ada sedang dan akan terus dijalankan di negeri Sarawak.

Dalam tahun 1980 peruntukan sebanyak \$25,686,930 dipohon untuk rancangan jalan-jalanraya baru dan \$11,709,260 dipohon untuk rancangan memperbaiki jalan-jalanraya dan sebanyak \$14,922,640 dipohon untuk rancangan jalan-jalan pembangunan. Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk membina jalanraya besar yang kedua bagi negeri Sarawak. Jalanraya ini yang melibatkan 760 batu jalanraya yang menghubungkan Limbang dengan pusat daerah seperti Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri. Projek ini masih dalam peringkat kajian sekarang. Di samping itu Kerajaan Negeri Sarawak juga akan melaksanakan projek-projek feeder road di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini kira-kira 145 batu jalan-jalan akan dibina. Pada keseluruhannya semua sejumlah kira-kira 600 batu jalan-jalan akan dibina di negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Sarikei juga menyentuh tentang kekurangan bekalan air dan keadaan air masin di Daerah Sarikei dan

Binatang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Kerjaraya Sarawak telah mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air dan air masin di daerah-daerah tersebut.

Satu firma perunding telahpun dilantik untuk menjalankan penyelidikan dan memperbentukkan punca bekalan air yang baru. Langkah-langkah juga telah diambil oleh Jabatan Kerjaraya untuk mendapatkan satu kawasan lembah untuk membina sebuah takungan air dan sebuah pam yang berkeupayaan tinggi telah dipasang sebagai langkah jangka pendek mengatasi masalah ini. Adalah diharapkan dengan tindakan-tindakan tersebut masalah kekurangan air dan keadaan air masin di daerah-daerah tersebut akan dapat diatasi.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas segala syor-syor dan teguran-teguran dan juga rayuan-rayuan itu akan diberi perhatian dan penelitian selanjutnya dan sekiranya sesuai tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun membuat teguran, cadangan dan juga memberi buah fikiran ke atas Kementerian saya sewaktu membahaskan ucapan dasar Belanjawan tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya memberi sedikit sebanyak jawapan ke atas teguran beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah membangkitkan soal kedudukan Anggota Pengakap Sempadan atau Polis Hutan di Sarawak, saya kira Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas tentang kedudukan yang sebenar berhubung dengan Anggota Pasukan Polis Hutan dan Pengakap Sempadan (Border Scouts) yang terdapat di

Sarawak. Kedudukan Anggota Polis Hutan yang ada di negeri Sarawak adalah sama sepertimana Anggota Polis Hutan di Semenanjung iaitu mereka itu adalah anggota tetap Polis Diraja Malaysia.

Berkaitan dengan Anggota Pengakap Sempadan (Border Scouts) yang kini merupakan anggota sementara, ini adalah dibuat demikian demi kepentingan dan juga kesenangan mereka itu sendiri. Sekiranya mereka itu dijadikan anggota tetap dan sekiranya dikehendaki bertukar dari satu tempat ke satu tempat yang lain, ini akan menyulitkan dan menyusahkan mereka itu sendiri, walhal sebagai anggota sementara mereka boleh berhenti dan tidak terikat kepada pasukan. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mengkaji dan menimbang kedudukan mereka itu dan sekiranya didapati perlu perkhidmatan itu akan dijadikan perkhidmatan yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan bot-bot rondaan yang cukup dan baru untuk kegunaan Pasukan Merin Polis di Sabah khasnya sebagaimana yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Keningau dan juga Kinabalu, ingin saya menegaskan lagi bahawa perkara ini sudah pun diberi perhatian. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan telah mengikat kontrak untuk membina dan membeli sebanyak 12 buah bot ronda yang baru di samping sebanyak 9 buah lagi yang masih di peringkat rundingan. Dari jumlah 21 buah bot itu sebanyak 6 daripadanya adalah merupakan penggantian bot-bot rondaan yang lama. Adalah dijangka bot yang pertama akan mula diterima pada akhir tahun 1980. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan penerimaan bot-bot rondaan yang baru itu keperluan sebagaimana yang disebutkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu akan dapat meliputi Sabah. Kementerian saya juga sedang menimbang penambahan bot-bot untuk Polis Merin di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu juga telah menyebutkan perkara kenaikan taraf sesuatu balai polis. Perluah saya menjelaskan lagi di sini iaitu penarafan balai polis bukanlah dibuat semata-mata atas asas perhitungan bilangan penduduk sahaja tetapi faktor-faktor lain juga diambil kira seperti kadar kejadian-kejadian jenayah di sesuatu kawasan atau tempat, keluasan kegiatan-kegiatan ekonomi, jarak

jauh di antara satu balai dengan balai yang lain dan juga peranan sesuatu tempat itu dari segi pentadbiran. Taraf ke semua balai polis adalah sentiasa dikaji dan dinaikkan. Keperluannya bergantunglah kepada asas-asas yang saya sebutkan di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu juga yang mencadangkan helikopter digunakan oleh Pasukan Polis Diraja bagi menjaga keselamatan rakyat daripada ancaman penjenayah dan lain-lain, maka sukalah saya menyatakan bahawa perkara menjaga keselamatan secara keseluruhannya bukanlah tanggungjawab Pasukan Polis sahaja. Sekiranya perlu bantuan perkhidmatan helikopter bolehlah diperolehi daripada Tentera Udara Diraja Malaysia.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di atas teguran yang telahpun dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling yang mengatakan bahawa ada Anggota Polis Diraja bertindak di luar lunas undang-undang sehingga ada orang-orang yang mati semasa dalam siasatan, maka inginlah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sebagai agen penguatkuasa Undang-undang, Anggota-anggota Polis adalah dikehendaki bertindak mengikut undang-undang. Saya ingin membuat pengakuan di sini iaitu jika ada di antara mereka yang bertindak di luar undang-undang, maka tindakan tegas dan sewajarnya akan diambil ke atas mereka sama ada mereka sendiri dihadapkan ke mahkamah jika cukup dengan keterangan-keterangan ataupun diambil tindakan tatatertib selaras dengan perbuatan salah mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengenai masalah dadah, maka Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am telahpun menyatakan perkara mengenai pengasingan penagih-penagih dadah akan disentuh dalam ucapan menggulung perbahasan bagi Kementerian berkenaan, maka kerana itu saya tidaklah mahu membuat sebarang ulasan yang lanjut di atas perkara ini. Tetapi inginlah saya menyatakan rancangan-rancangan yang berkaitan dengan pembinaan Pusat-pusat Pemulihan sepertimana di Sepang, Sungai Petani, Muar, Kuching serta juga pembesaran Pusat-pusat Pemulihan di Besut dan di Kuala

Kubu Bahru adalah dijangka akan dapat menambah memulihkan lebih kurang sebanyak 6,000 penagih-penagih dadah lagi dalam setahun iaitu sebagai tambahan kepada keupayaan Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejadian penagih dadah di kalangan belia-belia seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang, maka Unit Bertindak Eksekutif Jawatankuasa Kabinet mengenai dadah yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengantar bagi melaksanakan rancangan-rancangan latihan penyelidikan, asuhan, pelajaran, tunjuk-ajar untuk belia-belia serta juga kanak-kanak sekalipun dengan tujuan dan harapan mereka ini akan sedia mempunyai nilai-nilai rohaniah yang sempurna dalam menghadapi cabaran hidup. Di samping itu Kementerian saya tidak akan berkompromi dalam melaksanakan aktiviti kuatkuasaan untuk membenteraskan pedaran dadah di negara ini.

Hasil daripada penguatkuasaan pencegah kemasukan dadah daripada luar bolehlah dikatakan pada masa ini amatlah sukar untuk penagih-penagih dadah mendapatkan dadah secara haram sehingga harganya melambung naik begitu tinggi sekarang ini. Kementerian saya sedang memikirkan satu rancangan yang boleh menimbulkan perasaan bahawa dadah itu adalah satu barang yang kotor, jijik dan hina.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama dengan Kementerian saya memikul tanggungjawab yang berat untuk mengatasi masalah dadah. Peperangan menghapuskan penyakit sosial ini adalah memerlukan penglibatan semua pihak dan usaha-usaha hendaklah dipertingkatkan lagi sekiranya kita ingin melihat masyarakat Malaysia bebas dari belenggu ini.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara ada menyebutkan tentang perbezaan Undang-undang Immigration di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak di mana pelawat dari Semenanjung adalah dikehendaki menggunakan paspot bila hendak masuk Sabah dan Sarawak. Dalam masalah ini Kementerian saya sedang menimbang untuk mengubah keperluan ini dengan hanya pelawat-pelawat

itu dikehendaki menunjukkan kad pengenalan mereka itu serta mengisi satu borang yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh berkenaan dengan kekasaran Pegawai-pegawai Immigration. Bagi mana-mana Jabatan Kerajaan yang ada hubungan dengan orang awam maka tidak dapat tidak kadang-kadang terdapat perselisihan faham terutama jika orang awam kurang memahami peraturan atau sengaja tidak mahu mengambil tahu peraturan maka tentulah kekasaran tutur kata itu akan timbul. Pejabat Immigration adalah sepertimana pejabat-pejabat lain juga banyak dilawati oleh orang-orang ramai yang ada di antaranya secara terang-terang tidak langsung memberi kerjasama atau dengan sengaja mengganggu kerja pegawai-pegawai. Keadaan demikian memungkinkan timbulnya sikap kasar yang tidak sengaja dan tidak pula ditujukan kepada mana-mana satu keturunan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Damansara banyak mengemukakan tuduhan yang umum ke arah jabatan Kerajaan, terutamanya jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya ini. Sekiranya Yang Berhormat itu mempunyai bukti-bukti yang nyata berkaitan dengan kekasaran oleh Pegawai-pegawai Immigration yang dikatakan itu beritahulah saya akan butir-butir yang lengkap semoga tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap pegawai-pegawai atau pegawai yang terlibat.

Beralih saya kepada cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang juga telah menyatakan saya ingin memberitahu Dewan ini iaitu bersesuaian dengan bentuk organisasi ikatan rlawan rakyat (RELA) yang merupakan satu organisasi sukarela selaras dengan falsafah RELA sendiri, maka Kementerian saya tidak dapat menerima cadangan yang ahli-ahli RELA itu dibayar elaun sewaktu bertugas dalam keadaan biasa di mana mereka membuat rondaan di kampung-kampung halaman mereka. Walau bagaimanapun, kalau mereka ini diarah bertugas oleh Kerajaan pada satu jangka waktu sehingga difikirkan akan

menjejaskan pendapatan atau mata pencarian mereka itu memanglah mereka ini dibayar elaun khas untuk bertugas. Saya ingin mengatakan contoh misalnya apabila ahli RELA telah diarah bertugas menjaga pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong ataupun di Pulau Tengah mereka ini memanglah dibayar elaun bertugas. Begitulah juga sekiranya mereka diarah oleh Jawatankuasa Keselamatan Negeri seperti membantu pihak Polis di dalam satu operasi di mana ahli RELA bertugas melebihi masa lapan jam dan ini adalah berpanjangan maka elaun-elaun juga akan dibayar. Setelah mendapat kelulusan Ibu Pejabat RELA ada ahli-ahli Rela juga sedar tugas mereka sebagai rakyat yang setia telah dengan rela hati mengambil daya utama membuat pakaiannya sendiri. Pembekalan pakaian seragam oleh Kerajaan hanya dibuat semasa mereka menjalankan latihan dan ketika mengambil bahagian dalam perayaan-perayaan rasmi seperti sambutan Hari Keputeraan Sultan, Hari Kemerdekaan dan lain-lain. Kementerian saya memanglah menyedari keperluan latihan yang cukup dan sepatutnyalah diberi kepada ahli-ahli RELA maka Pejabat RELA sendiri sentiasa memberi keutamaan atas perkara ini dan pada tahun 1978 dan 1979 sahaja seramai 25,520 orang ahli-ahli RELA telahpun menerima latihan asas. Kursus-kursus yang disampaikan itu ada menitikberatkan kepada perkara-perkara kepolisan, ketenteraan, latihan jasmani dan undang-undang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah tegaskan sebentar tadi Ahli-ahli RELA sememangnya diberi latihan cara kepolisan dan ketenteraan. Ini adalah bertujuan supaya mereka tahu bagaimana menggunakan senjata. Walau bagaimanapun soal pemberian senjata bukanlah terletak di bawah kuasa Ibu Pejabat RELA atau Pejabat RELA Negeri dan Daerah. Penentuan bilangan senapang adalah terpulang kepada Jawatankuasa Keselamatan Negeri atau Jawatankuasa Keselamatan Daerah. Keperluan ini adalah berasas pula kepada laporan dan penyiasatan pihak keselamatan yang akan menimbang di peringkat Jawatankuasa Keselamatan Daerah dan juga peringkat Jawatankuasa Keselamatan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah jawapan-jawapan saya di atas teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Belanjawan 1980.

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi ulasan atas satu dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang perbahasan Belanjawan 1980, yang telah menyentuh aktiviti Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah sekali lagi menimbulkan persoalan undang-undang Buruh yang mana menurutnya telah ketinggalan zaman dan "anti-Buruh", tidak berdemokratik dan lain-lain lagi. Seterusnya Ahli Yang Berhormat itu menyeru supaya pihak Kerajaan menarik balik pindaan-pindaan yang telah dibuat semasa berlaku darurat pada tahun 1969, dengan alasan kononnya bahawa darurat telah tamat.

Kerajaan sedar, Tuan Yang di-Pertua, mengenai beberapa pindaan dan peruntukan baru yang telah dibuat pada tahun 1969, dan dimasukkan ke dalam Undang-undang Buruh terutamanya sekali ketiga-tiga Undang-undang Buruh yang terpenting iaitu Ordinan Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, akan tetapi setelah pindaan dan peruntukan itu dilaksanakan selama 10 tahun yang lalu, pihak Kerajaan melalui pengalaman-pengalaman yang diperolehi darinya, mendapati bahawa kebanyakan peruntukan-peruntukan tersebut walaupun dibuat dalam masa darurat adalah juga berfaedah dan menafaat, bukan sahaja kepada pekerja dan majikan tetapi apa yang lebih penting lagi ialah kepada masyarakat seluruhnya. Bahkan Kementerian telah menerima cadangan-cadangan dari setengah-setengah pihak yang mengesyorkan bukan sahaja peruntukan tersebut perlu dikekalkan, tetapi mereka mencadangkan bahawa setengah-setengah peruntukan-peruntukan di dalam Undang-undang Buruh itu diperketatkan lagi.

Saya sendiri sedar bahawa banyak cadangan-cadangan pindaan telah diterima bukan sahaja dari pihak Kesatuan Sekerja, tetapi juga dari pihak Majikan-majikan dan pertubuhan mereka, Majlis Peguam dan lain-lain pihak yang berminat. Kerajaan telah menimbang dengan telitinya semua cadangan tersebut. Cadangan-cadangan pindaan kepada Undang-undang Buruh itu sudah pasti akan bincangkan dalam Mesyuarat Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (NJLAC) sebelum ianya dikemukakan ke Dewan yang mulia ini. Sebagai seorang yang mewakili pihak pekerja di mesyuarat Majlis itu, Ahli Yang Berhormat dari Damansara akan diberi peluang seluasnya untuk memberikan pandangan dalam Majlis itu kelak. Tidaklah perlu untuk Ahli Yang Berhormat dari Damansara merasa bimbang ataupun menyuarakan kononnya buruh yang berorganisasi telah kehilangan forum perbincangan-perbincangan di dalam negara ini.

Undang-undang Buruh kita adalah berdasarkan kepada konvensyen-konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang diiktiraf oleh negara kita sendiri. Tidak semua konvensyen ILO itu sesuai bagi negara kita di peringkat pembangunan sekarang. Kita juga tidak diwajibkan untuk mengiktirafkan semua konvensyen yang dibuat oleh ILO. Walau bagaimanapun sungguhpun kita tidak mengiktiraf dengan sepenuhnya beberapa konvensyen tersebut akan tetapi dari segi praktiknya, kita telah mematuhi bahkan di setengah-setengah tempat kita telah dapat melaksanakan lebih dari apa yang diperuntukkan di dalam konvensyen-konvensyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya disatukan ketiga-tiga buah perundangan Buruh yang ada sekarang ini. Ahli Yang Berhormat itu tentu lebih mengetahui bahawa tiap-tiap satu perundangan mempunyai peranan, dan fungsi-fungsinya yang berlainan dan berasingan. Tambahan pula penguatkuasaannya adalah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang berasingan. Mengenai cadangannya supaya dibentuk satu Suruhanjaya untuk mengkaji Undang-undang Buruh, ingin saya menyatakan bahawa ini adalah merupakan lagu-lagu yang bernada sumbang yang dimainkan oleh pihak pembangkang sahaja dan Kerajaan sudah tentu tidak akan menari mengikut gendang mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh menyeru supaya Kerajaan mengharamkan tindakan perusahaan oleh pekerja-pekerja dan menandatangani supaya sebuah Tribunal dibentuk untuk menyelesaikan perkara pertikaian perusahaan yang mungkin timbul. Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak berniat untuk mengharamkan samasekali tindakan-tindakan perusahaan oleh pihak pekerja dan Kesatuan-kesatuan Sekerja mereka.

Ini adalah kerana beberapa peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Undang-undang Buruh adalah pada amnya cukup buat masa ini, untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan tindakan-tindakan perusahaan ini yang menjejaskan kepentingan masyarakat dan negara.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian saya di sepanjang perbahasan ini. Manamana butir yang tidak dapat saya beri ulasan yang jawapan tadi adalah tetap diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

4.25 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan memberi cadangan-cadangan yang membina ke atas beberapa perkara yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Kementerian saya.

Menyentuh teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, memanglah diakui bahawa cara "Selective Management System" adalah satu sistem yang baru dan kekurangan pegawai-pegawai yang mahir menjadi satu-satu masalah yang dihadapi oleh Syarikat-syarikat kayu-kayan yang besar seperti Jengka untuk menjalankan cara baru ini. Walau bagaimanapun, menyedari tentang hakikat inilah, pihak Jabatan Hutan sentiasa bekerjasama erat dengan semua Kompleks Perkayuan di Semenanjung Malaysia untuk memberikan bantuan, nasihat serta tunjuk ajar dalam bidang-bidang yang tertentu dan yang memerlukan bantuan.

Menyentuh pula tentang kekurangan pegawai di Jabatan Hutan untuk menjalankan kerja-kerja penanaman semula hutan, kekurangan ini amatlah dirasai terutamanya di peringkat iktisas. Walau bagaimanapun dalam tempoh masa satu dua tahun yang lampau ini, keadaan ini telah bertambah baik dengan terlatihnya tenaga mahir yang diperlukan oleh pihak Universiti Pertanian, dan Instituit Teknologi MARA di peringkat iktisas dan separa iktisas. Pegawai-pegawai ini yang diambil berkhidmat dengan Jabatan Hutan diberikan kursus Orientasi dan kemudiannya didedahkan kepada beberapa aspek perhutanan termasuk sistem pengurusan hutan untuk meluas pengalaman dan pengetahuan mereka untuk diberikan latihan tersebut. Di samping ini pihak Jabatan Hutan juga sedang giat merancang untuk melatih pekerja-pekerja daripada pihak swasta dan berhubung dengan ini, satu kursus akan diadakan di Negeri Trengganu pada bulan Disember, tahun 1979.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan lebih banyak seminar berkenaan dengan perkara "Equatorial Rain Forest Management" pula. Kementerian saya memanglah menitikberatkan tentang seminar-seminar yang berkisar di sekitar masalah pengurusan dan pembangunan hutan. Berhubung dengan ini beberapa seminar telahpun diadakan, satu di Kuantan, Pahang, yang berlangsung dari 7hb-10hb November, 1977 bertajuk "ASEAN Seminar on Tropical Rain Forest Management"; satu di Pulau Pinang iaitu Persidangan Perhutanan Malaysia yang ke 7 yang diadakan pada 24hb-28hb September, 1979. Di samping ini, satu seminar berkenaan "Forest Management Decision for Timber Complex" akan diadakan dari 10hb-12hb Disember, 1979 di Kuantan, Pahang.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga telah membangkitkan masalah kekurangan kayu gergaji di pasaran tempatan. Di sini sukalah saya menyatakan iaitu adalah tidak benar bahawa keadaan ini timbul kerana kilang kayu hanya mengeluarkan kayu gergaji untuk dieksport. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semasa kayu balak ini digergaji di kilang-kilang, sudah tentulah banyak gred kayu gergaji yang akan dikeluarkan. Kayu-kayu gergaji yang tinggi grednya seharusnya memperoleh harga yang tinggi dan oleh kerana pasaran eksport boleh menampung harga-harga yang tinggi itu, maka

sudah tentulah kebanyakan kayu gergaji yang tinggi gred ini dieksport keluar negeri. Kayu-kayu gergaji daripada gred rendah pula adalah kebanyakannya dijual di pasaran tempatan dengan harga yang lebih rendah jua. Pendapatan yang tinggi diperolehi daripada kayu-kayu gergaji yang dieksport seterusnya akan menampung kekurangan pendapatan daripada jualan di pasaran tempatan. Dengan itu nyatalah bahawa pasaran eksport dan tempatan adalah "complementary" antara satu sama lain.

Timbulnya masalah untuk mendapatkan bekalan kayu gergaji untuk kegunaan tempatan bukanlah semata-mata disebabkan eksport yang banyak keluar negeri tetapi sebaliknya adalah disebabkan permintaan tempatan telah bertambah dengan pesatnya sekarang. Angka-angka menunjukkan bahawa jumlah eksport kayu gergaji dalam tahun 1978 ada sebanyak 2.76 juta cubic metric, iaitu merupakan suatu pertambahan sebanyak 0.1% daripada jumlah eksport bagi tahun 1976. Sebaliknya jumlah kayu gergaji yang digunakan di pasaran tempatan telah meningkat sebanyak 18% dalam tempoh yang sama.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan memberikan tolakan cukai kepada kilang-kilang kayu gergaji yang dapat membekalkan 40% pengeluarannya untuk kegunaan tempatan, adalah dirasakan bahawa perkara ini tidaklah praktikal oleh kerana kesulitan yang mungkin timbul dalam perlaksanaannya yang mana mungkin akan mengakibatkan penyelewengan. Kementerian saya adalah sentiasa memberikan perhatian terhadap bekalan kayu gergaji dalam negeri pada keseluruhannya. Satu daripada langkah untuk memperbanyakkan lagi bekalan dalam negeri ialah dengan menggalakkan lebih banyak kemasukan kayu balak daripada luar negeri. Dalam hubungannya ini, Kerajaan telahpun mengecualikan cukai import dan cukai tokok ke atas kayu-kayu balak yang diimport ke Semenanjung Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyentuh tentang pengusaha Bumi-putra dalam perusahaan kayu-kayan yang kurang memuaskan. Berhubung dengan perkara ini, sukalah saya memaklumkan bahawa di bawah Kementerian saya terdapat dua agensi iaitu Jabatan Perhutanan dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, yang mempunyai unit-unit yang berkenaan bagi

meningkatkan penyertaan Bumiputra dalam perusahaan kayu-kayan. Satu usaha yang tegas daripada pihak Kerajaan dalam mendorong Bumiputra ke dalam perdagangan kayu-kayan ialah dengan memberikan bantuan yang sesuai kepada Syarikat Kayu Raya yang mana telah ditubuhkan sendiri oleh Persatuan Pengusaha Kayu-kayan Bumiputra.

Kementerian saya adalah menyambut baik di atas syor daripada Ahli Yang Berhormat dari Jerai supaya Kerajaan menstabilkan harga eksport kayu balak. Dalam hubungan ini, eksport kayu balak daripada Semenanjung Malaysia tidak lagi menjadi satu kegiatan ekonomi yang besar. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menghadkan pengeksportan kayu balak dan menggalakkan lebih banyak pemerosesan kayu-kayan dalam negeri. Bagi tahun 1978, jumlah balak yang dieksport daripada Semenanjung Malaysia hanyalah 2% sahaja daripada jumlah pengeluaran. Walau bagaimanapun, di negeri Sabah dan Sarawak eksport kayu balak masih lagi merupakan kegiatan ekonomi yang penting. Pada amnya harga kayu balak adalah didapati stabil berbanding dengan lain-lain barangan. Pada masa ini juga terdapat suatu pertubuhan serantau SEALPA (Persatuan Pengeluar-pengeluar Kayu Asia Tenggara) yang mengawasi kestabilan harga dan lain-lain perkara berhubung dengan dagangan eksport kayu balak.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya tidak dapat menyentuh semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

4.37 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Segala teguran dan pendapat yang bernas itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Parit dan Kota Setar telah bercakap mengenai harga padi ditawarkan oleh pembeli-pembeli swasta dan juga Lembaga Beras dan Padi Negara yang dikatakan tidak begitu memuaskan. Sukalah saya menegaskan di sini iaitu harga belian padi yang ditawarkan oleh LPN kepada kadar \$28.00 hingga \$32.00 sepikul mengikut kelas padi panjang, sederhana dan pendek adalah memuaskan memandangkan petani-petani juga ada diberi bantuan-bantuan subsidi-subsidi yang lain.

Mengenai potongan padi basah dan rosak sebanyak 70% oleh pembeli swasta yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kangar, Kementerian saya akan menyiasat kes ini bagi mengetahui keadaan yang sebenarnya.

Mengenai cara belian padi pula, memanglah amalan sekarang bahawa LPN membeli padi dipintu kilang sahaja. Kenderaan-kenderaan LPN hanya digunakan untuknya sendiri seperti memindahkan padi-padi yang dibeli oleh LPN daripada kompleks pengering ke integrated complex untuk dikisar dan untuk mengangkut beras LPN sahaja.

Dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Setar bahawa kilang-kilang LPN tutup pada pukul 4.00 petang adalah tidak benar. Namun begitu kalau ada kes-kes yang tertentu, saya berharap Ahli Yang Berhormat akan memberi kerjasama dan bertanggungjawab untuk melaporkan kepada saya untuk disiasat supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Labuk Sugut dan juga dari Kuala Lumpur Bandar ada menyebut tentang operasi UDA. Syor Yang Berhormat dari Kangar supaya UDA memperluas kegiatannya di pekan-pekan kecil, sukalah saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya sedang membuat kajian dari segi kemungkinan bagi UDA memperluaskan aktivitinya ke bandar-bandar kecil di seluruh negara. Di samping itu bagi kawasan luar bandar dan pekan-pekan kecil, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemanjangan Negeri akan memainkan peranan masing-masing untuk menyediakan tempat-tempat berniaga.

Mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan di Hotel Abad, saya telah mengarahkan UDA supaya mengambil tindakan sewajarnya.

Menyentuh pandangan Yang Berhormat dari Baling dan Kuala Lumpur Bandar perhatian dan tindakan memang sentiasa diambil bagi memperkemas dan memperbaiki sistem pengurusan agensi-agensi supaya segala program-program dan projek-projek yang dilaksanakan itu benar-benar mencapai matlamat-matlamat yang telah diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Menyentuh gesaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut, memanglah menjadi dasar Kementerian ini supaya MARA dan UDA tidak bersaing tetapi sebaliknya bersama mendorong dan membantu peniaga-peniaga Bumiputra. Kementerian saya sentiasa mengawasi supaya perkara ini dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat dari Kuala Muda pula telah menyebut tentang operasi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Memang tidak dinafikan bahawa sebahagian daripada pengurusan PKN-PKN mempunyai masalah keupayaan dan kemampuan mengendalikan projek-projek. Kementerian Perusahaan Awam kini sedang mengatur usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan pengurusan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Pasir Puteh dan Permatang Pauh telah menyebut tentang operasi Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Menyentuh pandangan Yang Berhormat dari Tumpat, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Perusahaan Awam menyedari tentang tidak ada keseimbangan di dalam perusahaan pengangkutan lori terutama dari segi kekurangan Bumiputra dan dengan ini pihak Kementerian sekarang sedang memperbaiki kedudukan atas perkara ini.

Menyentuh teguran Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengenai permit-permit lori A di Pulau Pinang adalah satu tuduhan yang terlalu am. Kerajaan Barisan Nasional memang tidak menggalakkan perkara ini dan berharap Ahli Yang Berhormat akan memberi kerjasama melaporkan kes-kes yang tertentu.

Menyentuh tentang teguran Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berhubung dengan permit teksi, sukacita saya menjelaskan sekali lagi iaitu permit-permit teksi

hanya akan diluluskan kepada individu-individu yang akan membawa teksinya sendiri dan juga kepada syarikat-syarikat kerjasama yang dianggotai oleh pembawa-pembawa teksi kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi di atas pandangan-pandangan dan syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

4.42 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan beberapa perkara yang berhubung dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbincangan mengenai Dasar Anggaran Belanjawan 1980. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu apa yang dibangkitkan, sebaliknya saya akan tumpukan penerangan terhadap dasar dan strategi yang ditugaskan kepada Kementerian ini secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat lihat bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos meminta Peruntukan dengan jumlah tertentu bagi belanjawan tahun 1980. Permohonan ini jelas menggambarkan kesungguhannya dalam rancangan Kerajaan untuk memperluaskan kemudahan yang tertentu untuk meningkatkan taraf penghidupan rakyat dan juga memberikan infrastruktur yang perlu dalam melaksanakan program-program industrialisasi negara. Kerajaan, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, telah menekankan soal kontribusi dan peranan sektor swasta dan di samping itu juga mengadakan galakan supaya pemodal-pemodal dalam negeri atau luar melabur dalam negara ini. Bagi mencapai maksud tersebut, asas-asas infrastruktur tertentu adalah perlu disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, demikian juga strategi Kerajaan mengenai perkhidmatan telekomunikasi. Pada amnya objektif Jabatan Telekom ialah untuk mengadakan perkhidmatan telekom yang cekap dan memuaskan kepada pengguna-pengguna dengan cara yang

paling ekonomikal. Selain dari itu Jabatan Telekom juga mempunyai objektif untuk memperluaskan lagi kemudahan hubungan telekom dengan negara-negara luar. Memandangkan betapa pentingnya hubungan telekom ini dari dan keluar negeri bagi pelaburan modal asing dan juga pasaran barangan (commodity exchange) yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, maka satu kemudahan yang akan diperkembangkan oleh Jabatan Telekom ialah kemudahan "dail terus keluar negara" ataupun "International Subscribers' Dialling (ISD)" ke beberapa negara-negara jiran dan lain-lain negara.

Bagi mencapai objektif mengadakan perkhidmatan telekom yang cekap dan memuaskan, tugas-tugas perancangan dan pembinaan ibusawat baru, pemasangan talian tambahan, kabel-kabel bawah tanah dan rangkaian gelombang mikro yang baik perlu disediakan. Ini memang memakan masa. Oleh itu Kementerian telah mengambil langkah dan untuk memastikan perkara ini dapat dijalankan dengan lancar, organisasi pentadbiran Jabatan Telekom sedang dalam proses penyusunan semula yang dilaksanakan mulai bulan November ini. Saya telah menerangkan struktur yang baru ini pada 1-11-79 lalu. Prinsip utama penyusunan semula ini ialah untuk mendecentralisekan jentera pentadbiran supaya tugas pembangunannya dapat dijalankan dengan bureaucracy yang berkurangan. Ini akan mengurangkan "red-tape" dan oleh itu saya berharap jentera pentadbiran Jabatan Telekom akan dapat bergerak lebih lancar dan efisien untuk memastikan kemudahan telekom dinikmati oleh para pengguna.

Bagaimanapun kesan terhadap penyusunan semula ini akan mengambil masa dan bagi memastikan projek-projek telekom dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan, Kerajaan telah membenarkan supaya pelaksanaan projek telekom termasuk kerja rangkaian kabel dilakukan dengan pertolongan oleh pihak swasta. Dengan strategi implementasi seperti ini, maka Jabatan Telekom boleh menumpukan usaha mereka terhadap rancangan jangka panjang, penyenggaraan loji talian dan alat-alat pelanggan untuk meninggikan mutu perkhidmatan di samping menggunakan waktu selebihnya untuk memberi latihan kepada kakitangan baru. Jabatan Telekom juga akan bertindak untuk memperkemaskan dan memodenkan peralatan-peralatan ibusawat telefon.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam perkhidmatan pos. Kita se ar betapa pentingnya perkhidmatan pos ini kepada orang ramai dan Kementerian saya telahpun merancang beberapa langkah untuk dilaksanakan dalam tahun 1980 bagi mencekap dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pos di negara ini. Saya telah memberi keputusan untuk mengintegrasikan tugas Jabatan Perkhidmatan Pos dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mulai 1hb Januari 1980. Kementerian akan melaksanakan tugas-tugas yang bukan operasi seperti perkara-perkara mengenai perancangan, pembangunan, perkhidmatan, kewangan antarabangsa dan latihan. Jabatan Perkhidmatan Pos pula akan menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas-tugas berbentuk operasi. Bagi maksud ini beberapa jawatan baru telah diwujudkan dan beberapa jawatan daripada Jabatan Perkhidmatan Pos yang ada sekarang akan dipindahkan ke Kementerian mulai 1-1-1980. Tujuan integrasi ini ialah untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan pos di negara ini, dan menentukan rancangan jangka panjang perkhidmatan pos dijalankan dengan teratur.

Selain dari itu beberapa rancangan yang telah diatur akan terus dilaksanakan. Misalnya, Kementerian akan melipat-gandakan usaha bagi mengkaji masalah dan kelemahan perkhidmatan pos dalam aspek pengedaran mel.

Kementerian juga akan memperluaskan lagi perkhidmatan "pos laju" yang telah mendapat sambutan baik dari orang ramai ke beberapa bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap tentang Kementerian ini, menyentuh perkara-perkara mengenai tenaga dan kemudahan elektrik. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan adalah sedar bahawa bekalan minyak antarabangsa akan bertambah tinggi harganya dan keadaan makin meruncing menjelang akhir abad ini. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk mengurangkan dengan seberapa yang boleh keburukan kepada rakyat atas perkara yang sedemikian. Oleh itu, Kerajaan telah melepaskan LLN dari pembayaran cukai pendapatan dan

pembangunan mulai 1980 serta menambahkan equiti Kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara. Langkah itu boleh dikatakan sebagai mensubsidisedkan harga pengeluaran kuasa elektrik kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bercadang memperguna dan mempromosikan sumber-sumber asli seperti gas asli dan hidro bagi mempelbagaikan sumber penjanaan kuasa elektrik. Untuk maksud ini, LLN masa ini sedang mempersiapkan projek stesyen jana-elektrik di Kenyir di Trengganu, Bersia dan Kenering—kedua-duanya di Sungai Perak. Rancangan juga diputuskan untuk menempatkan sebuah stesyen gas loji kitar yang disatukan (gas-fired combined cycle power station) di mana tapak projeknya boleh memuat 450-900MW. Kerajaan juga dalam proses memajukan potensi hidro-elektrik di Sarawak. Kerja-kerja awal telahpun dimulai di projek hidro-elektrik Batang Ai dan satu team perunding dari Jerman Barat dijangka memulakan kajian kemungkinan mulai awal bulan depan untuk projek hidro Pelagus dan penghantaran kuasa High Voltage Direct Current (HVDC) ke Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyediakan asas-asas infrastruktur yang perlu untuk pembangunan negara, Kerajaan sentiasa mengingatkan betapa perlunya kemudahan sosial asas diadakan untuk meningkatkan taraf hidupan rakyat kita yang tinggal di luar bandar. Oleh itu, Kerajaan memberikan perhatian utama bagi membekalkan elektrik ke luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup penduduknya. Adalah dijangkakan menjelang tahun 1980, 55% (atau 790,000 rumah) di luar bandar akan mendapat faedah dari rancangan ini. Peruntukan Kerajaan sebesar M\$89.7 juta untuk elektrik luar bandar dalam belanjawan tahun depan sesungguhnya sebagai satu pengiktirafan akan hasrat Kerajaan untuk mempercepatkan pembangunan dalam sektor luar bandar ini. Kerajaan baru-baru ini telah mengambil keputusan yang akan berjalan kuatkuasa mulai tahun depan, bahawa projek-projek elektrik luar bandar akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Sebagai tambahan, peruntukan khas sejumlah M\$30 juta telah diluluskan bagi membiayai 11 rancangan FELDA tahun depan. Lembaga Letrik Negara akan mengambil langkah segera mengadakan 18 projek mini hidro yang dianggarkan menelan belanja M\$15.3

juta. Kajian kemungkinan terhadap 102 lagi rancangan tambahan juga akan dilakukan oleh pihak firma perunding. Sebuah jawatankuasa mengenai mini hidro telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pembangunan program mini hidro di negara ini. Rancangan-rancangan mini hidro, di samping membekalkan tenaga letrik ke kawasan pedalaman yang tidak dapat diberikan oleh grid kebangsaan (National Grid), akan juga menolong mengurangkan pergantungan kita terhadap bahan minyak. Lembaga Letrik Negara juga telah menyediakan pusat data keperluan tenaga elektrik di luar bandar sehingga tahun 2000.

Kesimpulan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menggambarkan bahawa Kerajaan sentiasa bersedia dalam menghadapi tuntutan-tuntutan yang dikehendaki oleh waktu dan suasana atas daya dan upayanya. Objektif dari semua rancangan kemudahan ini adalah untuk semua rakyat, baik di dalam dan di luar bandar. Sesungguhnya pandangan-pandangan yang positif dan membina akan diberi penghargaan oleh pihak Kementerian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri.

4.54 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab soalan-soalan dan teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang lalu, berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran-teguran yang membina dan semua pandangan-pandangan tersebut adalah diberi perhatian di mana wajar. Saya tidaklah bercadang menjawab semua soalan-soalan yang telah dikemukakan satu persatu tetapi hanya akan menyentuh perkara-perkara yang penting yang perlu dijelaskan. Saya sedar ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara yang mana jawapan Kerajaan telah diberikan sama ada di dalam masa soal jawab ataupun dalam mesyuarat yang lepas. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuang masa Dewan ini mengulangi pendirian Kerajaan dalam kes-kes yang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai tambang yang dikenakan oleh pihak MAS/Lembaga Urusan Tabung Haji pada bakal-bakal haji tahun ini sebanyak \$2,100 untuk pergi dari sektor Kuala Lumpur/Bayan Lepas, Singapura ke Jeddah dan balik merupakan tambang yang berpatutan. Tambang penerbangan biasa I.A.T.A. (International Air Transport Association) bagi sektor Kuala Lumpur/Jeddah/Kuala Lumpur adalah sebanyak M\$3,134.00 seorang. Walau bagaimanapun perlu dinyatakan di sini bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji/MAS masih boleh mendapatkan harga kurang dari \$2,100 sekiranya ia menggunakan pesawat yang lebih kecil dari DC-10 dan ini akan memakan masa yang amat panjang serta tidak dapat memenuhi kehendak jangka masa yang telah ditetapkan oleh Kementerian Haji Arab Saudi yang mana musim Haji adalah dikira dari 1 Syawal hingga 4 Zulhijjah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak MAS sebelum menetapkan harga tambang tersebut telahpun mengambil langkah-langkah mendapatkan sebut harga daripada kira-kira 40 buah Syarikat Penerbangan Antarabangsa bagi mendapatkan pesawat jenis "wide-bodied" dan jaminan supaya bakal Haji dapat berangkat ke Tanah Suci dalam masa yang tertentu dengan jumlah yang lebih daripada 10,000 orang. MAS terpaksa mengambil tindakan itu oleh kerana tidak mempunyai keupayaan untuk mengangkut bakal-bakal haji dalam masa sebulan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa penerbangan carta Haji ini adalah perjalanan yang terus ke Jeddah sedangkan pesawat yang dikatakan lebih murah adalah pesawat biasa yang akan singgah di beberapa tempat sebelum ke Jeddah, kadangkala bakal-bakal Haji itu terpaksa mengeluarkan bayaran tambahan untuk menampung perbelanjaan dalam perjalanan ke Jeddah dan kadangkala ada yang terkandas pula. Jadi, jika diambil kira perbelanjaan-perbelanjaan lain yang dikeluarkan oleh mereka yang berkenaan, kadar jumlah pembayaran mungkin lebih besar dari yang dikenakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga ada membangkitkan perkara mengenai keruntuhan moral mudamudi sekarang dan mencadangkan supaya

Kerajaan mempergiatkan lagi kegiatan dakwah melalui Instituti Dakwah (INDAH) bagi mengatasi masalah ini.

Saya ingin menjelaskan bahawa INDAH telah meningkatkan lagi keupayaannya di dalam melaksanakan program-program dakwah yang telah dirancang. Aktiviti-aktiviti INDAH juga telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak dan menempatkan 4 orang pegawainya. Bilangan pegawai-pegawai INDAH juga akan ditambah bagi memenuhi keperluan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga INDAH telah berjaya melaksanakan program dakwah sebanyak 326 siri pada tahun ini dengan jumlah pesertanya seramai 51,656 orang. Kejayaan tersebut adalah hasil dari kerjasama yang telah diberikan oleh orang ramai, badan dan agensi badan berkanun, penjara, rumah-rumah pemulihan akhlak, anggota-anggota keselamatan polis dan tentera. Kerjasama juga didapati daripada Kementerian dan Instituti Tadbiran Awam Negara (INTAN) untuk mengaturkan kursus-kursus dakwah bagi pegawai-pegawai Kerajaan kerana Kerajaan memikir bahawa kursus dakwah ini perlu diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengetahui hubungan rohani dan jasmani bagi seseorang yang menjalankan tugas Kerajaan dan ini adalah terdapat di dalam kehendak Al-Quran sendiri.

Di samping kegiatan-kegiatan ini, INDAH juga menerbitkan risalah-risalah kecil, poster-poster dakwah dan pelekat-pelekat kereta sebagai usaha untuk meningkatkan lagi dakwah Islamiah. Kerajaan juga mengambil perhatian bahawa dakwah ini akan tidak diselewengkan oleh mana-mana badan yang cuba hendak menyelewengkan kehendak dakwah yang sebenar dan ini diawasi sungguh-sungguh oleh pihak Jabatan Perdana Menteri di Bahagian UGAMA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling, seperti mana Ahli Yang Berhormat sepatutnya lebih maklum bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah hasil daripada rumusan sepakat antara pemimpin-pemimpin politik dan pemimpin masyarakat yang lain yang menganggotai Majlis Perundangan Negara di dalam 1969/70 dahulu. Kata sepakat atau "concensus" ini juga telah dipersetujui oleh Parlimen ketika Rancangan Malaysia Kedua dan kajian

semula Rancangan Malaysia Kedua dibahas dalam Dewan ini dahulu. Ingin saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Baling bahawa tujuan utama DEB ialah mewujudkan perpaduan negara melalui dua strategi ekonomi iaitu membasmi kemiskinan dan menghapuskan pengendalian kaum mengikut fungsi-fungsi atau kegiatan ekonomi. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri tidak mahu menukar tujuan yang saya sebutkan tadi kerana perpaduan rakyat adalah asas kemajuan dan keteguhan negara kita.

Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa mengawasi pelaksanaan dan mengkaji semula cara-cara DEB ini dilaksanakan dan matlamat-matlamat fizikal yang hendak dicapai. Dalam hal ini Rancangan Malaysia Keempat akan merupakan satu dokumen yang penting di mana pelaksanaan dan pencapaian DEB sejak tahun 1970 akan dikaji semula dan strategi pelaksanaan yang sesuai dan berkesan akan dirangka bagi menentukan supaya matlamat-matlamat utama dicapai sepenuhnya menjelang tahun 1990. Oleh itu soal keraguan sama ada matlamat DEB dapat dicapai atau tidak, tidaklah timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga mendakwa bahawa kegiatan perkauman masih kukuh di masa ini dan ini menyebabkan DEB sukar dicapai. Seperti yang saya katakan tadi, tujuan utama DEB ialah untuk mewujudkan perpaduan dan ini mengikut definisinya sendiri bermakna mengurangkan sikap perkauman. Banyak bukti yang dapat kita lihat hari ini yang menunjukkan kemajuan kearah perpaduan rakyat dalam negara kita ini. Misalnya pertumbuhan perniagaan usahasama antara kaum, perkembangan aktiviti sukan dan sosial yang melibatkan penyertaan semua kaum, pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan dan sebagainya. Ini adalah merupakan unsur-unsur yang boleh mewujudkan perpaduan yang kukuh dan stabil dalam negara kita ini. Bukti-bukti tersebut memberikan keyakinan bahawa kita mengarah kearah yang ditujui.

Ahli Yang Berhormat dari Baling juga telah menyatakan bahawa penglibatan Bumiputra dalam bidang perniagaan mengikut DEB pada masa ini adalah 15% tetapi apa yang menyedihkan ialah cuma dengan dicapai 3% sahaja. Ahli Yang Berhormat itu

telah mendakwa bahawa DEB cuma melahirkan segolongan Bumiputra yang berkepentingan di dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baling itu nampaknya tidak faham dan tidak membuat penelitan yang mendalam sebelum membuat kesimpulan dan dakwaan yang melulu. Beliau tidak menjelaskan kadar apakah yang dikatakan 15% itu. Mungkin beliau menganggap bahawa oleh kerana kita akan mencapai pertengahan penggal tempoh DEB pada tahun 1980, maka kita mesti juga mencapai separuh atau 15% daripada matlamat yang hendak dicapai dalam tahun 1990. Perlulah saya tegaskan di sini bahawa pertumbuhan ekonomi adalah secara berperingkat-peringkat dalam negara kita ini. Oleh itu kadar penyertaan Bumiputra akan bertambah tinggi dari masa ke semasa. Kerajaan yakin bahawa kadar 30% itu akan dapat dicapai menjelang tahun 1990 kelak.

Kadar 3% yang disebutkan itu pun tidak jelas. Mungkin, beliau maksudkan kadar 3.6% itu hak milik Bumiputra perseorangan yang dinyatakan dalam laporan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Jika demikian maka dakwaan beliau masih juga tidak tepat oleh kerana kadar tersebut adalah mengenai hak milik dari syarikat-syarikat berhad (limited companies) sahaja. Masih luas lagi corak penyertaan Bumiputra serta pemegangan hak milik yang perlu diambil kira seperti syarikat-syarikat perniagaan Bumiputra secara persendirian dan pembelian saham-saham syarikat-syarikat yang dikhaskan. Juga patut diambil kira kadar kepentingan Bumiputra yang sebanyak 6.7% di dalam syarikat-syarikat berhad, oleh kerana semua bahagian ini akan diserahkan milik kepada golongan perseorangan Bumiputra kelak.

Kerajaan melalui beberapa rancangan sentiasa giat berusaha untuk menambah lagi penyertaan Bumiputra. Umpamanya melalui aktiviti jualan saham melalui kompleks kewangan MARA, dan sedikit masa lagi melalui Perbadanan Pelaburan Nasional. Dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Baling mengenai DEB cuma dapat melahirkan golongan Bumiputra yang berkepentingan sahaja di dalam bidang perniagaan tidaklah benar. Segala usaha Kerajaan di dalam konteks-konteks ini adalah ditujukan kepada semua rakyat kaum Bumiputra. Sekiranya terdapat golongan kecil

yang mendapat lebih faedah dari yang lain setakat ini mungkin mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang lebih mendalam selok belok perniagaan daripada lain-lain Bumiputra pada masa ini.

Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit pedoman kepada Ahli Yang Berhormat supaya di masa hadapan cuba memahami hasrat murni dan perlaksanaan DEB sebelum membuat tuduhan melulu dan mengelirukan yang akan menyebabkan salah faham rakyat dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum ataupun kawasan-kawasan sama ada di bandar atau di luar bandar. Oleh kerana kadar kemiskinan di kawasan luar bandar yang mana 80% dari penduduknya terdiri dari petani-petani adalah lebih tinggi dari kawasan bandar, iaitu 58.7% berbanding dengan 21.3% dalam tahun 1970, Kerajaan telah memberi tekanan yang utama ke atas usahanya untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian Kerajaan telah juga memberikan perhatian kepada golongan-golongan miskin di kawasan bandar. Masalah-masalah penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar, pengangguran dan masalah setinggalan-setinggalan telah diberi perhatian berat oleh Kerajaan. Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah dan sedang menjalankan kajian-kajian tentang kumpulan-kumpulan miskin di kedua-dua sektor bandar dan luar bandar. Kajian-kajian yang dijalankan baru-baru ini yang meliputi kawasan bandar ialah kajian mengenai pekerja-pekerja di Shah Alam, kajian penarik beca di Pulau Pinang, kajian penduduk-penduduk rumah pangsa, kajian peniaga-peniaga di Kampung Baru dan lain-lain lagi. Hasil dari kajian ini akan dijadikan bahan untuk merangka rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan di bandar yang lebih berkesan lagi bagi Rancangan Malaysia Keempat yang akan datang. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menurunkan kadar kemiskinan di sektor luar bandar kepada 23% dan di sektor bandar kepada 9.1% dalam tahun 1990. Ini jelas menunjukkan bahawa usaha pembasmian kemiskinan bukan hanya tertumpu kepada kawasan luar bandar tetapi juga di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading, mengikut perakuan Jawatankuasa Kabinet di dalam laporannya, tanggagaji doktor perubatan yang memiliki sijil pendaftaran penuh ialah minima \$1,225 dan maksimumnya \$2,205. Tanggagaji ini adalah yang paling tinggi sekali di antara semua jawatan-jawatan yang memiliki ijazah, sama ada ijazah professional ataupun bukan professional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu juga, bagi doktor perubatan yang mempunyai kelulusan kepakaran dalam perubatan, Jawatankuasa Kabinet memperakukan supaya mereka dibayar sebagai tambahan kepada gaji seperti tersebut di atas, elaun pakar menurut kadar-kadar yang berikut:

- (a) Tingkatan biasa \$400 hingga \$500 sebulan.
- (b) Bagi Tingkatan Tertinggi di antara \$600 hingga \$1,200 sebulan mengikut peringkat.

Memandangkan bahawa tanggagaji bagi doktor perubatan adalah paling tinggi sekali di antara pegawai-pegawai dalam sektor awam dan juga dengan tambahan elaun sekiranya mereka mempunyai kelulusan kepakaran, maka Kerajaan berpuashati dengan gaji mereka pada masa sekarang. Walau bagaimanapun cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil ingatan di dalam kajian untuk semakan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan khas di Jabatan Perdana Menteri untuk melakukan lawatan-lawatan mengejut di Jabatan-jabatan dan di pejabat-pejabat Kerajaan bagi mengawasi pekerjaan yang sempurna dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah cadangan yang baik, tetapi adalah lebih baik bagi ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan membuat lawatan-lawatan yang mengejut di jabatan-jabatan mereka masing-masing untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai mereka yang bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat atau melaksanakan projek pembangunan itu menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna dan bermutu

tinggi dan bertanggungjawab serta jujur. Cara sedemikian adalah lebih berkesan daripada ditubuhkan satu panel khas atau naziran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Perintah Am Bab "D" mempunyai perbekalan-perbekalan yang cukup untuk membolehkan Ketua-ketua Jabatan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai mereka yang menyeleweng atau yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan rajin, cekap dan berdedikasi. Perintah Am Bab "D" ini senang diperkemaskan dan dipinda supaya tindakan tatatertib dapat diambil dengan lebih tegas dan lebih berkesan ke atas pegawai Kerajaan yang tidak cekap. Selain daripada itu buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum telah juga dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan adalah menjadi tanggungjawab bagi ketua-ketua jabatan untuk mengambil langkah meningkatkan mutu perkhidmatan jabatan-jabatan mereka berpandukan buku ini. Juga baru-baru ini Dewan telah membahaskan Rang Undang-undang Akta Pencen, 1980 serta Peraturan-peraturan Pencen 1980. Apabila Akta dan Peraturan ini dikuatkuasakan, Kerajaan boleh mempersarakan pegawai-pegawai Kerajaan yang tiada berupaya memberi perkhidmatan yang lebih baik, lebih awal daripada umur bersara demi menjaga kepentingan Perkhidmatan Awam. Oleh yang demikian, peraturan-peraturan untuk menjamin perkhidmatan Kerajaan yang cemerlang itu sudah mencukupi dan hanya terletak ke atas bahu ketua-ketua jabatan untuk melaksanakan peraturan-peraturan tersebut dan jikalau didapati ketua-ketua jabatan yang tidak dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dalam hal ini maka peraturan-peraturan ini juga boleh dikenakan kepada mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu ada mencadangkan supaya PETRONAS dapat berunding dengan syarikat minyak yang telah sedia ada di negeri ini supaya pengedaran minyak diesel dapat dilakukan melalui pam-pam di stesyen yang sedia ada dengan cara sewa dan sebagainya. Ini dapat mengatasi masalah PETRONAS mendapatkan tapak atau membina pam-pam yang lain yang mungkin memakan belanja yang banyak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kemasukan PETRONAS ke dalam pasaran minyak disel dan minyak tanah adalah satu tindakan segera Kerajaan untuk menyelamatkan rakyat dari kekurangan minyak berkenaan yang timbul dalam masa beberapa bulan yang lepas. Dasar PETRONAS untuk melibatkan diri secara aktif dalam pengedaran dan pemasaran petrol dan lain-lain bahan pengeluaran petroleum juga akan dipertimbangkan dari segi kepentingan sosial dan negara.

Saya percaya bahawa di dalam merangka dasar memasarkan bahan petroleumnya, PETRONAS akan memberi pertimbangan yang teliti atas semua faktor supaya tindakannya itu akan mencapai faedah yang maksima.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu membangkitkan masalah pembangunan luar bandar yang tidak seimbang di negeri Sarawak dan meminta supaya perkara ini dikaji semula dengan memberi tekanan yang lebih kepada projek-projek pembangunan luar bandar yang seimbang bagi tiap-tiap kawasan di negeri tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Negeri (UPEN) telah ditubuhkan di tiap-tiap negeri dan adalah menjadi Dasar Kerajaan supaya UPEN menjalankan kajian-kajian sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan dan penjelasan yang dapat saya berikan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan semasa perbincangan Dasar Belanjawan berkaitan perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan menyentuh mengenai perkara-perkara ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas sokongan mereka di atas dasar-dasar yang sedang dan akan dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memberi jawapan bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan teguran yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyampaikan jawapan dari Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Ahli Yang Berhormat itu ada mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan memperuntukkan wang kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membolehkan Dewan Bandaraya membangunkan rumah-rumah kos rendah untuk diberi kepada mereka yang berpendapatan rendah dan 25,000 yunit seperti ini hendaklah didirikan di Wilayah Persekutuan. Dalam soal ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu, pembinaan rumah awam adalah merupakan salah satu projek utama Kerajaan di mana peruntukan sebanyak \$156,342,703 (secara pinjaman) telah pun diluluskan kepada Dewan Bandaraya untuk membina kira-kira 19,423 yunit rumah pangsa/kelompok di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi tahun 1980 peruntukan sebanyak \$54,795,400 adalah diperlukan untuk melaksanakan projek-projek perumahan harga murah yang sedang dijalankan. Kerajaan juga telah meluluskan pada dasarnya peruntukan bagi membina 30,000 yunit lagi rumah pangsa/kelompok di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara memberi hakmilik kepada mereka yang tinggal di flat-flat, khususnya di Kuala Lumpur dengan tujuan mereka yang tinggal di flat itu tidak lagi dianggap sebagai penyewa sahaja, perkara ini adalah menjadi dasar Kerajaan pada masa ini tidak memberi hakmilik kepada mereka yang tinggal di flat-flat khususnya di Kuala Lumpur oleh kerana sebab-sebab berikut:

- (a) Masalah kekurangan perumahan adalah satu masalah yang besar di Kuala Lumpur. Tugas utama Kerajaan ialah menyediakan tempat perlindungan (shelter) bagi mereka yang berpendapatan rendah. Oleh itu, rumah-rumah pangsa sesuai disewakan.
- (b) ramai daripada penduduk Kuala Lumpur adalah akibat penghijaran dari tempat-tempat lain. Mereka ini ada juga tidak menetap di Kuala Lumpur selama-lamanya tetapi berpindah-randah (mobile). Oleh itu rumah-rumah pangsa lebih sesuai dijadikan sebagai rumah-rumah "transit".

- (c) Dalam keadaan kekurangan rumah pada masa ini, penjualan rumah-rumah pangsa mungkin akan menimbulkan masalah perpindahan milik dan akan wujud apa yang disebut "absentee landlordism". Oleh itu rumah-rumah pangsa tersebut mungkin akan jatuh ke tangan orang-orang kaya dan bukan lagi mereka yang berpendapatan rendah. Sekarang ini pun terdapat bukti di mana penyewa-penyewa rumah pangsa menyewakan semula rumah-rumah itu kepada "penghuni-penghuni haram".
- (d) Bagi membantu golongan berpendapatan rendah, sewa rumah hendaklah benar-benar rendah. Ini boleh dilakukan oleh Kerajaan dengan menyewa rumah-rumah pangsa secara subsidi.
- (e) Banyak di antara rumah-rumah pangsa di Kuala Lumpur dibina di kawasan pusat bandar yang mempunyai nilai ekonomi tanah tinggi. Pada masa hadapan Kerajaan mungkin perlu mengkaji semula penggunaan tanah-tanah itu khasnya dari segi pembangunan semula bandar (urban renewal).
- (f) Masih terdapat dua masalah besar, jika rumah-rumah pangsa hendak dijual iaitu penubuhan badan pengurusan (management corporation) dan juga soal "strata title".

Walaupun rumah pangsa tidak dijual, rumah murah jenis lain adalah dijual seperti rumah jenis teres umpamanya di kawasan Jalan Cheras dan pertapukan dan kemudahan (site and services) di Salak South. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu soalan seperti ini telahpun ditimbulkan oleh Yang Berhormat sendiri di Dewan Rakyat pada 29hb Jun, 1979 yang lalu.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga membuat gesaan supaya Kerajaan mengadakan lebih banyak lagi tempat letak kereta di Kuala Lumpur bagi mengatasi kesulitan dan kesesakan meletak kereta. Dalam soal ini Kerajaan sedar tentang masalah kekurangan tempat letak kereta di Kuala Lumpur. Untuk mengatasi masalah tersebut beberapa langkah telahpun diambil, umpamanya, meminta pemaju-pemaju menyediakan bilangan tempat

letak kereta dalam kawasan-kawasan bangunan yang mencukupi dan juga pihak Dewan Bandaraya sendiri sedang menambahkan lagi bilangan tempat letak kereta di jalan-jalan-
raya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya meminta Kerajaan mengadakan kawasan untuk meletak kereta di atas Sungai Kelang, inginlah dimaklumkan bahawa suatu kajian telahpun dibuat dan didapati cadangan ini tidak boleh dilaksanakan oleh sebab-sebab teknik.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menggesa supaya Kerajaan memberi masa yang cukup atau memberi ganti rugi yang sepatutnya kepada setinggan sebelum rumah-rumah mereka diambil tindakan. Dalam perkara ini pihak Dewan Bandaraya hanya akan mengambil tindakan merobohkan rumah-rumah setinggan yang baru didirikan. Bagi rumah-rumah setinggan yang lama mereka ini adalah di dalam pendaftaran Dewan Bandaraya dan Kerajaan telahpun mengadakan berbagai-bagai bentuk peruntukan bagi memperbaiki taraf tempat kediaman mereka seperti rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah panjang sementara. Dari itu Kerajaan telah menetapkan dasarnya untuk mengawal jumlah rumah-rumah setinggan yang ada dan memberi kemudahan-kemudahan asas. Dasar ini adalah sesuai bagi mengawal dan membaiki kehidupan setinggan-setinggan yang ada.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang dapat saya berikan yang menyentuh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.30 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dengan menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan bidangkuasa Kementerian saya, lebih-lebih lagi mengenai perumahan,

dalam membahaskan ucapan dasar Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober, 1979.

Beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Kepong, Mantin telah membangkitkan masalah kenaikan harga rumah dengan memberi sebab-sebab, akibat dan seterusnya cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Menyentuh mengenai alasan-alasan kenaikan harga rumah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka menjelaskan seperti berikut:

Mengenai kenaikan harga rumah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, memang benar jika dikatakan bahawa satu sebab kenapa harga itu naik ialah tidak ada keseimbangan di antara permintaan dengan penawaran bekalan rumah. Di dalam keadaan itu saya telah memberi amaran kepada pemaju-pemaju perumahan supaya tidak mengambil kesempatan membuat keuntungan yang berlebih-lebihan dengan adanya kenaikan harga bahan-bahan binaan seperti simen, besi keluli dan juga kenaikan harga buruh. Sebaliknya pula Kementerian saya selalu dan suka memberi nasihat kepada pembeli-pembeli jangan terburu-buru membeli rumah dengan tidak mengambil perhatian dan menyelidik sebelum menempah ataupun membeli rumah-rumah yang dijual oleh pemaju.

Di atas kawalan kenaikan harga, yang sebenarnya kebanyakan Kerajaan Negeri apabila meluluskan permohonan-permohonan untuk kemajuan perumahan semanganya mengadakan syarat yang menetapkan harga bagi rumah-rumah jenis harga rendah. Walaupun dalam hal ini pengawalan harga adalah ditujukan kepada satu jenis rumah sahaja.

Kementerian saya sedang mengambil tindakan yang sesuai dan sedang memikirkan cara-cara yang sebaiknya dijalankan untuk mengawal kenaikan harga yang tidak berpatutan. Di dalam kemajuan perumahan, kawalan harga melaluj proses mengenakan harga yang standard tidak mungkin dapat dilaksanakan oleh kerana sekim-sekim perumahan adalah berbeza di antara satu dengan lain. Kementerian saya juga menasihatkan pemaju-pemaju untuk memberi perhatian yang lebih berat

kepada keperluan rakyat dan diharapkan pada masa-masa akan datang kegiatan kemajuan perumahan oleh pihak swasta akan mencerminkan perkara ini.

Kementerian saya memang sedar mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang menyatakan kenaikan harga rumah ini telah menyebabkan rakyat khususnya kaum bumiputra menghadapi kesulitan untuk membeli rumah, dan Kementerian saya seterusnya cuba seberapa yang boleh untuk menghalang harga-harga rumah dinaikkan dengan kadar yang terlalu tinggi dan sedang memikirkan cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini. Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuh satu tabung untuk membantu bumiputra pada konsepnya adalah baik dan perkara ini telah difikirkan oleh Kementerian saya. Masalah melaksanakan cadangan ini adalah banyak oleh kerana punca-punca kewangan adalah terhad dan memerlukan kerjasama daripada berbagai-bagai pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai wang juga penyertaan daripada badan-badan swasta bumiputra. Kementerian saya sedang meneliti perkara-perkara ini dan kajian-kajian akan dibuat sebelum mengambil apa-apa tindakan mengenai perkara ini.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Sugut supaya Kerajaan mengadakan satu tabung khas bagi membantu kaum tani dan buruh membiayai pembinaan rumah mereka, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya telah pun mengadakan skim pinjaman perumahan yang ditujukan khas kepada golongan berpendapatan rendah. Di dalam skim ini peminjam diberi pinjaman dengan jumlah maksima \$7,500 untuk membina rumah mereka sendiri di atas tapak tanah mereka sendiri.

Berhubung dengan kelayakan untuk mendapat rumah awam kos rendah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Sugut juga, saya ingin memaklumkan bahawa pendapatan \$500 yang dijadikan asas kelayakan untuk mendapatkan rumah awam kos rendah adalah pendapatan keluarga bukannya pendapatan pemohon secara perseorangan. Selain daripada faktor pendapatan keluarga terdapat juga faktor-faktor lain yang telah dijadikan asas dalam menentukan kelayakan untuk mendapat rumah-rumah tersebut. Kementerian saya

ada memberi panduan pembahagian rumah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan mengikut panduan yang diberikan oleh Kementerian saya itu terdapat 10 faktor yang perlu dijadikan asas pertimbangan. Oleh itu pendapatan bukanlah merupakan faktor yang utama dalam memilih penghuni rumah-rumah tersebut.

Menyentuh mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat yang sama untuk menubuh satu unit pasukan petugas khas untuk mengawasi penjualan rumah awam kos rendah, saya juga ingin memaklumkan bahawa masalah pemilihan penghuni untuk menyewa atau membeli rumah-rumah awam kos rendah yang dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, adalah di bawah budibicara Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing. Mengikut amalan biasa, setelah pemilihan dibuat oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan Negeri maka nama, nombor kad pengenalan dan gambar pemohon-pemohon yang berjaya dipilih ditampal di papan-papan kenyataan di tempat orang ramai supaya bantahan dapat dibuat. Pada kebiasaannya bantahan-bantahan ini diambil perhatian dengan disiasat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan jika didapati betul dan benar maka pemohon yang berjaya dipilih itu dikeluarkan daripada senarai mereka-mereka yang berjaya. Kementerian saya memberi perhatian yang berat tentang masalah menerima/meminta "duit kopi" seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri selalu dihubungi sekiranya terdapat aduan-aduan berhubung dengan masalah ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat yang lengkap tentang perbuatan ini sila rujuk kepada Kementerian saya atau Kerajaan Negeri berkenaan untuk disiasat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar supaya Kementerian saya menggesa Kerajaan Negeri Sarawak bersikap adil dalam pembahagian rumah-rumah yang dibina, saya ingin menjelaskan bahawa perkara ini selalu dibincangkan dari masa ke semasa antara Kementerian saya dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk Kerajaan Negeri Sarawak. Setakat ini saya berpuashati dengan peraturan pembahagian

rumah yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak terutama dari segi pendapatan keluarga hanya dihadkan kepada \$500 walaupun had maksima yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Sarawak ialah \$700. Ini akan memastikan bahawa mereka-mereka yang berpendapatan rendah sahaja yang akan dapat menikmati kemudahan perumahan yang diberikan itu. Bagi faedah penduduk-penduduk rumah panjang Kementerian saya telah meluluskan 4 projek rumah panjang berharga kira-kira \$743,000 dan 2 lagi projek rumah panjang sedang dalam peringkat perancangan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang berharga kira-kira \$580,000.

Menyentuh mengenai kesulitan badan-badan koperasi perumahan untuk mendapatkan tanah-tanah bekas lombong bagi menjalankan projek-projek perumahan harga rendah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya ingin memaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini adalah kerana soal tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh itu jika sebarang kesulitan yang dihadapi dalam perkara ini eloklah dirujuk kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan.

Seterusnya beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk dari Kangar dan Padang Rengas telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan perkampungan. Mengenai komen Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang menyatakan beberapa buah kampung tradisi di sepanjang Sungai Perak khususnya di kampung-kampung di Lenggeng, Sungai Siput telah ketinggalan dari segi pembangunan, ingin saya menjelaskan bahawa masalah pembangunan di kawasan-kawasan kampung bukan sahaja menjadi tanggungjawab Kementerian saya tetapi terdapat beberapa Jabatan dan agensi Kerajaan lain yang mengadakan rancangan-rancangan pembangunan masing-masing di kampung-kampung. Kementerian saya hanya menyediakan peruntukan bagi projek-projek kecil yang dikirakan sangat diperlukan oleh penduduk-penduduk kampung. Ini adalah kerana peruntukan yang ada di Kementerian saya bagi melaksanakan projek-projek ini adalah kecil dan tidak memadai untuk memenuhi permintaan semua kampung-kampung yang ada di negara ini.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai cara melaksanakan projek kemajuan perkampungan, ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian saya biasanya mengeluarkan waran peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek kecil Kerajaan Negeri selepas itu mengeluarkan indent kerja bagi projek-projek kecil kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung supaya kerja-kerja dan projek-projek dapat disiapkan olehnya. Ini adalah mengikut peraturan kewangan biasa supaya apa-apa perbelanjaan yang dikeluarkan dapat dikawal dengan teliti oleh Kementerian ini. Kementerian ini selalunya menggalakkan projek-projek dilaksanakan secara Gotong Royong melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK). Surat-surat pekeliling telahpun dihantar kepada semua Kerajaan Negeri di mana projek-projek yang berharga kurang dari \$10,000 hendaklah dijalankan secara Gotong Royong. Kementerian ini tidak dapat mengeluarkan waran peruntukan terus kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung kerana ini tidaklah praktikal dari segi kawalan, penyelarasan dan penyeliaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterimakasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan-pandangan/syor-syor yang membina di atas kerja-kerja yang dijalankan oleh Kementerian saya. Kesemua cadangan-cadangan ini akan diselidiki dan diambilkira di dalam kerja-kerja Kementerian saya sehari-hari dan di mana dianggarkan sesuai akan dilaksanakan untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli rumah di negara kita. Setakat ini sahajalah yang dapat saya memberi ulasan terhadap komen, teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Akhirnya sekarang saya persilakan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menyampaikan ucapan.

5.44 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira yang Belanjawan bagi tahun 1980 telah mendapat sambutan yang meriah dan sokongan yang mengagumkan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga daripada masyarakat umumnya dari segenap lapangan hidup.

Saya ingin melafazkan rasa terima kasih yang ikhlas kepada sekalian yang berkenaan atas segala teguran yang saya hargai dan juga atas sokongan yang telah diberikan terhadap Belanjawan itu. Sukalah saya menyatakan bahawa segala pandangan dan pendapat yang telah diberikan itu akan mendapat perhatian Kerajaan. Kita sentiasa sedia menimbangkan kritik-kritik yang membina yang memberi faedah kepada rakyat.

Satu perkara penting yang telah diperbincangkan yang juga membayangkan salah faham bahkan mengelirukan ialah yang berkait dengan soal peranan belanjawan. Ini perlu saya jelaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah ingat yang saya pernah menegaskan bahawa Belanjawan adalah merupakan rancangan ekonomi yang dibuat tiap-tiap tahun. Maksudnya ialah untuk melaksanakan dasar-dasar sosio-ekonomi yang telah dirangka di dalam Rancangan Lima Tahun. Belanjawan dibentuk setiap tahun untuk menghadapi keadaan-keadaan ekonomi yang tertentu yang dijangka berlaku dalam tahun hadapan. Oleh itu belanjawan adalah suatu rancangan yang menyeluruh bagi mentadbir ekonomi dengan pendekatan secara menyeluruh untuk menyelesaikan masalah-masalah sosio-ekonomi dan masalah-masalah wang yang dijangkakan.

Jadi Belanjawan tidak berkisar pada dasar-dasar cukai semata-mata. Bahkan Belanjawan merangkum segala unsur-unsur cukai dan wang iaitu:

- (a) Cadangan-cadangan perbelanjaan belanjawan;
- (b) Cadangan-cadangan yang berkait dengan wang dan pengedaran wang; dan
- (c) Cadangan-cadangan cukai baru serta langkah-langkah pentadbiran.

Sungguhpun cadangan-cadangan cukai baru itu mustahak tetapi ia tidaklah begitu penting kesannya kepada ekonomi dan tidak pula ada kena mengena dengan soal kebajikan dan kemajuan rakyat yang terbesar bilangannya. Padahal cadangan-cadangan dan peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan perbelanjaan lebih besar kesannya kepada ekonomi negara kerana ia ada kena mengena dengan kebajikan rakyat jelata.

Saya sedar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang dan dari pihak Kerajaan pada umumnya faham akan fungsi dan peranan belanjawan, tetapi saya tidak dapat memastikan fahaman Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Nampaknya pihak Pembangkang umumnya sama ada tidak faham ataupun sengaja memutar belitkan penafsiran mereka tentang peranan belanjawan sebagai helah menimbulkan syak dan kekeliruan. Saya hairan pihak Pembangkang nampaknya belum juga dapat menunjukkan kefahaman mereka tentang peranan dan kepentingan belanjawan itu. Saya tidaklah mengatakan mereka jahil dan kebanyakan mereka saya rasa tidak salah faham tentang belanjawan ini. Akan tetapi mereka nampaknya sengaja buat nakal menyalah tafsirkannya.

Belanjawan 1980 ada menyediakan sedikit sebanyak kemudahan untuk semua orang. Saya ingin menambah lagi bahawa Belanjawan 1980 telah dirangka untuk memberi faedah kepada sebahagian besar dari masyarakat kita yang berpendapatan rendah dan di dalam golongan miskin.

Kenyataan tegas ini akan dihargai sepenuhnya manakala ianya diakui secara jujur bahawa sebahagian besar dari cadangan perbelanjaan 1980 yang berjumlah hampir \$21 juta telahpun diperuntukkan untuk manfaat golongan miskin yang berpendapatan rendah.

Ribuan juta ringgit telahpun diperuntukkan untuk perkembangan pertanian, pembangunan desa, pelajaran, kesihatan dan perumahan dan untuk perhubungan dan pengangkutan khususnya di desa dan di kawasan yang lebih miskin di negara ini.

Saya perlu menegaskan bahawa perbelanjaan yang besar ini merupakan penambahan dan kelengkapan kepada perkembangan yang besar di dalam perkhidmatan-perkhidmatan dan di dalam kelengkapan infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan asas yang telahpun disediakan dengan luasnya untuk faedah rakyat sejak merdeka. Oleh itu Belanjawan ini bukanlah suatu langkah yang muktamad, kerana ia adalah suatu proses yang berterusan.

Kita tidak menggunakan Dasar Belanjawan secara jangka pendek dan secara sementara. Belanjawan-belanjawan Kerajaan kita adalah suatu langkah yang berterusan dan bertujuan mencapai Dasar Ekonomi Baru kita di dalam konteks Rancangan Perspektif.

Berbagai bentuk projek-projek yang nampak, yang termasuk pembinaan ratusan batu jalan, jambatan-jambatan dan pembangunan pelabuhan-pelabuhan untuk kapal-kapal laut dan kapal terbang telah menambahkan lagi keupayaan kita untuk mengeksport dan mengimpor barang-barang dan perkhidmatan untuk faedah petani-petani, nelayan-nelayan dan para pekerja kita. Kemudahan-kemudahan infrastruktur ini adalah menjamin bahawa keluaran peladang-peladang, petani-petani, dan pekebun-pekebun kecil kita yang termasuk dalam golongan miskin, dapat dieksport dengan cekap dan segera ke pasaran luar. Kemudahan-kemudahan ini juga telah membolehkan kita mengimpor barang-barang pengguna yang mustahak dan peralihan pelaburan yang begitu penting kepada penstabilan harga dan perkembangan ekonomi negara yang pesat.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga pihak yang salah faham dan salah mentafsirkan pindaan kepada pelepasan cukai perseorangan yang telah saya umumkan dalam ucapan Belanjawan saya pada tahun lepas. Kononnya perubahan-perubahan cukai bersabit dengan pelepasan cukai perseorangan itu adalah langkah yang memundurkan. Ini salah. Benarlah pelepasan cukai kita itu akan menguntungkan mereka yang berpendapatan tinggi, tetapi ini tidaklah pula menjadikan sistem cukai kita itu mundur. Sebenarnya, untuk si pembayar cukai pendapatan yang sudah kahwin, yang pendapatannya \$10,000 setahun, maka kadar cukainya sekarang hanyalah 1.2 peratus sahaja; padahal untuk seseorang yang berpendapatan \$50,000 maka kadar cukainya ialah 22.8 peratus, dan untuk yang berpendapatan \$100,000 maka kadar cukainya ialah 35.7 peratus setahun.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menghindarkan salah faham orang yang ada membaca ataupun ruangan yang dinamakan "Dollars and sense" dari sebuah akhbar tempatan yang mengatakan bahawa pelepasan cukai yang diberikan oleh Kerajaan itu membolehkan sesuatu keluarga itu menyimpan sedikit saja kalau kedua-dua suami isteri bekerja, dan langsung tak dapat menyimpan kalau si isteri sudahpun dapat pelepasan sebanyak \$1,000 daripada pendapatan yang diperolehinya dari tenaganya sendiri. Pendapat seumpama ini merupakan pendapat nonsense ataupun tidak ada sense.

Hujah yang semacam ini nyatalah membayag suatu fahaman yang belum matang mengenai cara sistem pelepasan cukai yang dilaksanakan.

Biarlah saya terangkan faedahnya pelepasan cukai yang diberikan itu. Kalau kedua-dua suami isteri bekerja, dapatlah dianggap yang mereka lebih suka dikenakan cukai secara berasingan, kerana pilihan semacam itu lebih menguntungkan. Atas anggapan ini, dan kalau mengikut kadar-kadar pelepasan cukai yang telah lalu, maka si suami mendapat pelepasan cukai diri sebanyak \$2,000, pelepasan cukai pendapatan dari tenaga sendiri mengikut kadar yang ditentukan hinggalah sampai ke tingkat \$1,000 dan ditambah dengan kurangan cukai sebanyak \$60 atau rebate. Si isteri juga akan mendapat pelepasan cukai diri sebanyak \$2,000, pelepasan cukai pendapatan tenaga sendiri sebanyak tidak lebih dari \$1,000 dan rebate sebanyak \$30. Jadi keluarga ini mendapat pelepasan cukai sebanyak \$6,000 jumlahnya, ditambah pula dengan rebate sebanyak \$90. Di bawah cadangan yang dikemukakan dalam Belanjawan itu, maka si suami akan mendapat pelepasan sebanyak \$5,000 ditambah dengan rebate sebanyak \$60, dan si isteri juga akan mendapat pelepasan sebanyak \$5,000 ditambah dengan rebate sebanyak \$30. Jadi jumlah besar pelepasan cukai yang dapat dinikmati oleh keluarga tadi ialah \$10,000 dan mereka boleh simpan rebate yang \$90 itu. Oleh itu, pelepasan yang ditambah ialah sebanyak \$4,000 atau naik 67 peratus lebih daripada yang telah dinikmati pada masa dahulu.

Kalau dalam sesuatu keluarga itu si isteri tidak bekerja, maka mengikut kadar pelepasan yang dahulu, si pembayar cukai mendapat pelepasan sejumlah \$4,000 dan rebate sebanyak \$90. Di bawah cadangan yang dipinda ini pula maka si pembayar cukai akan dapat pelepasan sebanyak \$7,000 paling tinggi serta rebate sebanyak \$90. Ini bermakna beliau terlepas dari membayar cukai sebanyak \$3,000 lagi. Dengan pelepasan cukai yang begini banyak yang akan dinikmati oleh si pembayar cukai, sama ada isterinya bekerja atau tidak, bagaimanakah akhbar itu boleh berpendapat mengatakan wang yang dapat disimpan oleh si pembayar sedikit saja ataupun tidak ada langsung. Malah, kemungkinannya memang ada bahawa pelepasan cukai yang begini banyak yang diberikan ini harus menempatkan pula si pembayar cukai itu ke dalam golongan mereka yang membayar cukai yang lebih rendah lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang ada menegur bahawa dengan meminda susunan cukai yang dikenakan ke atas golongan yang membayar cukai yang tinggi, saya dikatakan menyebelahi pihak orang yang sudah berada. Saya ingin menjelaskan bahawa tujuan mengadakan perubahan-perubahan ini ialah hendak menggalakan mereka berusaha lebih keras lagi. Janganlah kita lupakan bahawa golongan masyarakat yang berada ini telah memberikan sumbangan yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi kita, dan oleh itu patutlah mereka digalakkan lagi berusaha sekeras-kerasnya untuk berbakti kepada negara. Mustahaklah saya tegaskan di sini bahawa tujuan Kerajaan Barisan Nasional ialah hendak meningkatkan pendapatan bagi seluruh lapisan masyarakat. Saya suka menambah bahawa bagi mereka yang berpendapatan lebih \$100,000 dan memperolehi pendapatan mereka dari punca-punca pembangunan, mereka terpaksa membayar cukai berjumlah 65 peratus, iaitu 55 peratus untuk cukai pendapatan, 5 peratus cukai untung berlebihan dan 5 peratus cukai pembangunan.

Saya perlu menegaskan bahawa bukanlah menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional untuk menurunkan taraf hidup rakyat dengan izin, to level down. Di sebaliknya dasar Kerajaan Barisan Nasional kita ialah untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan dengan itu meningkatkan pendapatan golongan miskin atau meninggikan taraf hidup rakyat bagi segenap lapisan.

Penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula ekonomi kita akan dapat dicapai dalam kontek pertumbuhan ekonomi yang berkembang. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kita tidak boleh menaikkan pendapatan dan kebajikan golongan berpendapatan rendah dan golongan miskin dengan berkesan melainkan pertumbuhan ekonomi juga meningkat dengan kadar yang pesat.

Inilah sebabnya Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab bagi mengembangkan program perbelanjaannya sambil berusaha sedaya upaya yang boleh bagi menggalakkan sektor swasta meningkatkan keupayaan produktif mereka. Bagaimanapun, sektor swasta hanya boleh memainkan peranan wajar mereka bagi menolong menggalak dan

mengembangkan pengeluaran mereka jika mereka diberi suasana kestabilan politik yang sebenarnya, keyakinan dan galakan-galakan yang berpatutan.

Kita mempunyai kestabilan politik dan suasana keyakinan. Apa yang kita lakukan dalam Belaniawan 1980 ialah untuk meningkatkan galakan bagi pengeluaran, galakan bagi pembaharuan dan galakan bagi menjalankan perusahaan agar menjadikan mereka lebih agresif dalam usaha eksport mereka itu.

Itulah sebabnya galakan cukai pendapatan dan konsesi bagi golongan berpendapatan tinggi telah dirangka bagi mencapai matlamat ini. Ia tidak dimaksudkan untuk golongan yang terlalu kaya (super rich). Mereka yang menikmati konsesi ini adalah ahli perniagaan pertengahan, eksekutif atasan dan pengurus-pengurus yang bukan merupakan golongan yang kaya-raya. Mereka yang menjadi jutawan dan orang terlalu kaya akan terus membayar kadar cukai yang tinggi sebanyak 65% dari pendapatan mereka yang melebihi \$100,000 setahun. Jadi bagaimanakah boleh dikatakan yang Belanjawan 1980 Kerajaan Barisan Nasional menguntungkan orang kaya dan orang yang terlalu kaya sahaja.

Mengenai elaun bagi pelajaran anak-anak di luar negeri, ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan ini patut ditambah lagi, dan patut diperluas meliputi anak-anak yang bersekolah dalam negeri. Dalam hal ini, saya suka menyatakan bahawa elaun ini adalah diberi dengan tujuan hendak meringankan beban ibubapa yang terpaksa membelanja banyak menghantar anak-anak mereka belajar di luar negeri. Elaun ini tidaklah dimaksudkan untuk membiayai seluruh belanja pelajaran anak-anak di luar negeri. Lagi pun, elaun ini dimaksudkan hanya untuk anak-anak yang belajar di kolej atau universiti. Bagi anak-anak yang belajar dalam negeri di peringkat kolej dan universiti, haruslah disedari bahawa pelajaran mereka memang sudah banyak dibiayai oleh Kerajaan. Oleh itu belanja pelajaran anak-anak dalam negeri yang ditanggung oleh ibubapa amatlah rendah. Jadi tidaklah menasabah memperluas elaun pelajaran itu meliputi juga pelajaran dalam negeri di peringkat kolej dan universiti.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga mengatakan bahawa duti impot dan cukai jualan patut dikurangkan lagi terutamanya ke atas barang-barang yang

mustahak. Mengenai perkara ini, saya telahpun menjelaskan dalam Ucapan Belanjawan saya bahawa Kerajaan telahpun mengambil tindakan pada tahun-tahun yang lepas untuk menghapus atau mengurangkan duti-duti impot ke atas barang-barang yang mustahak sehingga bolehlah dikatakan tidak ada lagi barang-barang yang tinggal untuk dihapus atau dikurangkan cukainya. Hampir semua barang-barang yang masih lagi bercukai adalah sebenarnya diperjeniskan sebagai barang-barang yang dilindungi. Itulah sebabnya, dalam Belanjawan tahun ini, saya dapat mengurangkan duti-duti ke atas beberapa barang sahaja seperti durian dan mangga. Walau bagaimanapun, duti-duti perlindungan juga dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan industri-industri tidak mendapat perlindungan yang melampau dan tidak menggunakan tarif perlindungan ini sebagai satu kesempatan bagi membebaskan pengguna-pengguna tempatan kita.

Sebenarnya pada beberapa ketika yang lepas, saya telahpun mengurangkan tingkat tarif perlindungan yang didapati wajar dan untuk kepentingan pengguna-pengguna kita. saya sedar akan perlunya untuk melindungi industri-industri memandangkan industri-industri itu adalah sumber pekerjaan. Dalam pada itu saya juga mengambil berat supaya langkah ini tidak merugikan pengguna-pengguna. Oleh itu, saya akan terus menyemak sistem tarif perlindungan yang ada sekarang ini supaya ada imbalan yang wajar di antara keperluan industri-industri dan keperluan pengguna-pengguna kita.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mendakwa bahawa hasil negara yang mencapai prestasi begitu teguh adalah disebabkan terutama sekali oleh hasil yang besar yang dipungut dari minyak petroliam. Kata mereka hasil minyak ini janganlah ditimba sewenang-wenangnya tanpa mengira kepentingan rakyat jelata. Saya suka menyatakan bahawa hasil dari minyak petroliam hanyalah merupakan kira-kira 10% dari jumlah hasil negara seluruhnya. Sebagaimana yang diterangkan di dalam Laporan Ekonomi yang merupakan tambahan kepada Ucapan Belanjawan tahun ini, pungutan hasil Kerajaan Persekutuan yang begitu maju dan kukuh adalah berpunca dari kutipan duti-duti eksport yang semakin meningkat barang-barang terutamanya getah dan bijih timah, akibat dari harga eksport yang tinggi dalam tahun 1979 dan juga akibat

hasil yang lebih tinggi dari cukai pendapatan. Dalam tahun 1979, hasil dari cukai pendapatan dan cukai eksport masing-masing merupakan 37% dan 20% dari jumlah hasil cukai.

Fakta-fakta asas inilah menunjukkan yang Belanjawan kita adalah teguh dan sistem kewangan kita adalah baik. Adalah perlu dinyatakan, bahawa sungguhpun jumlah hasil meningkat dengan menggalakkan, perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan juga meningkat dengan banyaknya, walaupun hasil dari minyak petroliam telah menjadi penting. Walau bagaimanapun, apa yang lebih menonjol dan mustahak, adalah bukan kenaikan dalam hasil-hasil, tetapi yang lebih mustahak lagi, tingkat kecekapan yang tinggi dalam pengurusan hasil-hasil dan kewangan keseluruhan negara. Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju yang sebuah negara adalah seperti seorang individu (perseorangan) boleh memiliki pendapatan atau harta yang banyak, tetapi ini dengan senang pula lenyap jika pendapatan-pendapatan ini tidak diuruskan dengan baik. Oleh itu, faktor penting yang ingin saya nyatakan di sini ialah yang pihak Pembangkang sepatutnya jujur, adil dan menerima yang tambahan hasil-hasil dari minyak adalah diuruskan dengan baik untuk mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara kita dan kesejahteraan rakyat keseluruhan.

Kerajaan memang sedar bahawa minyak petroliam merupakan sumber yang tidak kekal dan dengan itu kita akan terus berhati-hati melaksanakan dasar-dasar menimba hasil dari punca ini supaya dapat menjimatkan simpanan minyak negara kita.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa langkah-langkah percukaian boleh menambahkan bekalan wang dan seterusnya akan menambahkan inflasi. Sebagaimana yang telah saya terangkan dalam Ucapan Belanjawan saya itu satu daripada matlamat Belanjawan ialah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui pengembangan jumlah besar permintaan dalam negeri kerana kita menjangka sektor eksport tidak begitu menggalakkan memandangkan keadaan ekonomi antarabangsa yang dijangka lembab pada tahun hadapan. Itulah sebabnya bukan sahaja pengurangan cukai telah dicadangkan tetapi sejumlah

besar wang yang telah diadakan terutamanya untuk pembangunan supaya mempercepat pertumbuhan ekonomi negara kita. Pada pendapat kita jumlah wang yang besar yang akan diperuntukkan bagi pembangunan dan juga pengurangan cukai tidak semestinya menyebabkan kenaikan harga. Ini adalah kerana kita telah mengambil langkah-langkah kewangan dan fiskal di masa yang lalu dan sekarang yang akan menentukan bahawa inflasi dapat dibendung dan kesannya dikurangkan.

Dalam segi kewangan, perkara-perkara ini termasuklah pelonggaran kadar faedah bagi bank-bank perdagangan, memperkenalkan kaedah pasaran kewangan yang baru bagi memajukan pasaran wang dan menggerakkan simpanan swasta. Kita akan terus menggalakkan simpanan dan pelaburan.

Dalam hal ini, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sedang memerhatikan perjalanan pengurusan Stock Exchange Kuala Lumpur dengan tujuan memastikan supaya urusan di pasaran saham berjalan dengan teratur. Kita juga sedang mengkaji Akta Perusahaan Saham (Securities Industry Act) dengan tujuan memindanya kalau perlu.

Dari segi fiskal pula jumlah besar kewangan yang telah diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membiayai pembinaan rumah-rumah kos rendah, pengecualian cukai ke atas faedah yang didapati dari simpanan-simpanan tabungan di bank-bank perdagangan dan juga di Bank Simpanan Nasional. Tambahan pula berbagai langkah pentadbiran telah diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan supaya mengurangkan dan membendung keuntungan yang berlebihan, penyorokan dan spekulasi harga yang tidak berpatutan. Jawatankuasa Ulangkaji Harga yang telah ditubuhkan pada tahun 1975 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengkaji permohonan untuk menaikkan harga oleh pekilang-pekilang sebelum permohonan kenaikan harga diluluskan. Kesemua langkah-langkah itu ada disebutkan lebih lanjut lagi di dalam Laporan Ekonomi (muka surat 159-163) kalau pihak Ahli-ahli Pembangkang belum membacanya yang merupakan tambahan kepada Ucapan Belanjawan saya ini.

Dalam Belanjawan 1980 kita telah mencadangkan supaya lebih banyak lesen-lesen dikeluarkan di seluruh negara untuk mendirikan kemudahan-kemudahan tempat simpanan untuk menggalakkan pengimport-pengimport membeli secara besar-besaran. Kemudahan-kemudahan ini juga akan diperluaskan bagi meliputi seberapa banyak barang yang mempunyai faedah secara langsung kepada rakyat jelata yang berpendapatan rendah supaya dapat mengurangkan kos dan seterusnya mengurangkan harga barang-barang yang diimport. Di samping langkah ini struktur duti eksport yang ada sekarang bagi barangan eksport utama mengandungi sifat-sifat tersendiri yang menentukan bahawa lebih banyak cukai akan dikenakan apabila harga barang-barang meningkat. Oleh itu cadangan-cadangan Belanjawan bagi tahun 1980 adalah dimaksudkan untuk menambah dan melengkapkan langkah-langkah yang telah lalu untuk menentukan bahawa pengembangan dalam jumlah besar permintaan tidak akan menambahkan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya bayangkan awal tadi, ucapan saya kali ini ringkas sahaja, tidak macam tahun-tahun yang sudah, ini ialah kerana boleh dikatakan semua pihak nampaknya puas hati dengan Belanjawan Kerajaan Barisan Nasional pada tahun ini, lagipun, kebanyakan dari teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang adalah terbit dari salah faham dan salah tafsiran tentang beberapa langkah cukai yang dicadangkan oleh Kerajaan. Oleh itu tugas saya dalam hal ini cuma memberi penjelasan supaya tidak ada keraguan lagi di hati rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengambil peluang ini untuk melafazkan penghargaan kepada sekalian pemimpin dari pelbagai sektor ekonomi kita yang telah mengambil bahagian dalam pertemuan-pertemuan dialog belanjawan yang diadakan dalam bulan Julai yang lalu, atas segala syor-syor dan buah fikiran yang mereka kemukakan. Sungguhpun tidak semua syor-syor mereka itu telah dimasukkan ke dalam Belanjawan 1980 ini, tetapi tentulah banyak yang bersetuju iaitu hampir segala perkara yang meluas pentingnya kepada rakyat dan negara, yang telah dikemukakan oleh mereka itu, ada terkandung dalam cadangan-cadangan Belanjawan Kerajaan ini.

Misalnya, duti-duti eksport ke atas getah dan bijih timah telah disusun semula supaya pekebun-pekebun kecil dan pelombong-pelombong kecil dapat menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi yang akan membawa kepada permintaan yang lebih banyak dan pertumbuhan ekonomi yang semakin cepat. Begitu juga duti-duti import ke atas barang-barang yang mustahak telah dirurangkan untuk kebajikan para pengguna, terutama yang berpendapatan rendah. Sebenarnya tidak ada lagi jenis barang-barang import yang mustahak kepada pengguna biasa yang hendak dipotong duti importnya, kerana Kerajaan telah menghapuskan atau mengurangkan duti import ke atas bahan-bahan makanan yang utama dan juga barang-barang lain untuk kegunaan ramai. Ini semuanya membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa sedia menimbang syor-syor dan pendapat-pendapat yang membina dan yang mengutamakan kepentingan segenap lapisan rakyat.

Saya berharap dialog semacam ini akan dapat diadakan lebih awal lagi dalam tahun depan, memandangkan yang tahun 1980 adalah tahun yang paling mustahak bagi membuat persediaan untuk Rancangan Malaysia Keempat yang memerlukan pengembelian segenap t naga fikiran rakyat dari segenap lapangan hidup untuk memastikan kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Ada pihak yang mengatakan Belanjawan ini lebih baik dan lebih liberal lagi dari Belanjawan untuk maksud-maksud pilihanraya. Sungguhpun ulasan yang semacam ini dimaksudkan sebagai pujian, biarlah saya bagi pihak Kerajaan tegaskan di sini bahawa dalam soal yang begitu serius seperti memastikan ekonomi kita terus bertumbuh dan maju, Kerajaan Barisan Nasional tidak sanggup bermain politik dan membelakangkan kepentingan rakyat dan negara dengan sewenang-wenangnya Kerajaan berasa bahawa asasnya memang ada bagi mematuhtkan Kerajaan merangka Belanjawan yang begitu liberal pada kali ini. Di dalam suasana ekonomi yang begini bertuah bagi negara kita maka sudah patut sangatlah menaifkannya dinikmati sama oleh rakyat jelata sekalian sambil memastikan yang ekonomi yang sudah begini maju akan terus maju, dalam tahun 1980.

Hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang utama sekali ialah memastikan ekonomi negara kita terus bertumbuh dan rakyat

jelata terus mendapat nikmatnya dan kita tidak menunggu sampai kepada pilihanraya baru hendak menaburkan nikmatnya itu kepada rakyat. Oleh kerana keadaan pada masa ini sudahpun mengizinkan oleh sebab itulah Kerajaan kita telah sanggup mengadakan cadangan-cadangan seperti yang kita telah buat bagi tahun 1980 itu. Ini tanggungjawab kita kepada rakyat yang telah memberi kita mandat bagi menguruskan ekonomi kita dengan cara yang sebaik-baiknya untuk faedah rakyat.

Izinkanlah juga saya mengambil peluang di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk melafazkan penghargaan saya kepada sekalian kakitangan Kementerian Kewangan dan agensi-agensi yang ada kaitan dengan persediaan Belanjawan tahun ini yang telah begitu jelas membuktikan semangat patriotik dan dedikasi bertungkus-lumus siang malam membantu kami sekalian di Kementerian merancang dasar-dasar kewangan dan wang kita bagi memastikan supaya kita terus dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi kita sambil membendung inflasi. Saya yakin, berkat sokongan penuh yang terus-menerus dari semua pihak, insya Allah, Malaysia akan terus maju dan makmur, menamin kesentosaan hidup segenap lapisan rakyat dan juga keselamatan negara. (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis :

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24

tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah jumlah yang seenteng dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya jemput wakil Yang Berhormat Menteri bagi mengemukakan perbelanjaan Maksud B. 1 hingga B. 14 serta Maksud Pembangunan P. 8, P. 9 dan P. 10 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14 (Jadual)—

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

6.26 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1980 di bawah Maksud-maksud B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12 B13 dan B14 diluluskan menjadi sebahagian daripada jadual. Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan adalah berjumlah \$446,576,000.

Jumlah peruntukan yang dikehendaki bagi sebahagian besar Maksud-maksud Bekalan yang tersebut di atas tidaklah banyak perbezaannya dengan peruntukan tahun 1979. Tambahan yang diperlukan adalah untuk menampung kenaikan gaji kakitangan dan keperluan biasa bagi jabatan untuk menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Saya tidaklah bertujuan membaca peruntukan bagi setiap satu Maksud oleh kerana ini boleh didapati daripada kertas-kertas pekeliling yang berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tetapi bagi beberapa buah jabatan yang tertentu sukalah saya memberikan penerangan yang ringkas.

Maksud B5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam—\$3,168,500

Maksud B7—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran—\$1,751,500

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah diperuntukkan dengan beberapa jawatan tambahan untuk melicinkan lagi urusan pengambiln dan pentadbiran pejabat.

Maksud B8—Jabatan Perdana Menteri

Jumlah peruntukan yang dikehendaki sebanyak \$166,350,800 adalah merupakan tambahan sebanyak 49% daripada peruntukan bagi tahun 1979.

Sebahagian besar daripada peruntukan dan tambahan adalah di bawah Butiran (Kod) 4100—Bayaran Pindahan untuk membiayai Projek-projek Kecil Pembangunan. Termasuk juga di bawah Butiran ini peruntukan Subsidi kepada Lembaga Urusan Tabung Haji dan Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan dan sumbangan kepada Unit Latihan Perkapalan dan Unit Khidmat Bimbingan Pernas Edar.

Tambahan peruntukan ini adalah juga disebabkan oleh penubuhan Pasukan Petugas Pendetang Haram peringkat Persekutuan dan Bahagian Geraksaraf di bawah Majlis Keselamatan Negara.

Maksud B9—Jabatan Perkhidmatan Awam

Jumlah peruntukan yang dikehendaki sebanyak \$172,242,600 adalah merupakan tambahan kurang dari 3% daripada peruntukan bagi tahun 1979.

Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai sebuah agensi pusat kakitangan Perkhidmatan Awam adalah dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan sebuah Kumpulan tenaga pekerja yang maju dan "dedicated" untuk memikul serta melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan. Pendekatan dan penekanan usaha Jabatan ini bagi tahun 1980 ialah untuk meninggikan kebolehan dan kemahiran pegawai-pegawai melalui kursus-kursus lanjutan dan mempergiatkan rancangan latihan di peringkat Jabatan.

Maksud B14—Jabatan Perangkaan—\$54,587,400

Jabatan Perangkaan sentiasa mengutip maklumat dan data-data penting untuk perancangan pembangunan negara. Jabatan ini akan melancarkan Banci Penduduk dan Perumahan dalam tahun 1980 dan sebahagian besar daripada peruntukan yang diperlukan adalah untuk maksud ini.

Tuan Pengerusi, saya sekarang beralih kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1980 bagi Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan mengusulkan supaya Maksud-maksud P8, P9 dan P10 diluluskan. Anggaran bagi Maksud-maksud berkenaan adalah seperti berikut:

Maksud P8—Jabatan Perdana Menteri

Jumlah Anggaran Pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak \$624,281,978, dan ini adalah merupakan tambahan 59.9% daripada peruntukan bagi tahun 1979.

Daripada jumlah \$624,281,978 ini, sebanyak \$228,735,830 adalah merupakan peruntukan bagi melaksanakan program-program membasmi kemiskinan dan \$217,840,000 untuk menyusun semula masyarakat. (Jumlah Peruntukan tahun 1979 bagi kedua-dua program di atas adalah sebanyak \$303,709,445). Peruntukan yang besar seperti yang dinyatakan adalah amat diperlukan memandangkan bahawa tahun 1980 adalah tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan yang besar ini akan memberi asas yang kuat untuk Sektor-sektor berkenaan menghadapi pelancaran Rancangan Malaysia Keempat.

Butir-butir lanjut berkenaan dengan peruntukan yang terbesar di bawah Maksud Pembangunan 8—Jabatan Perdana Menteri adalah seperti berikut:

Butiran (Projek) 1, 31 dan 41—(Kajian Rancangan)

Sebanyak \$40,470,000 dikehendaki bagi kajian-kajian rancangan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1980. Tujuan kajian adalah untuk memastikan kesesuaian dan faedah yang akan diperolehi daripada sesuatu projek yang dirancang sebelum projek itu dilaksanakan.

Butiran (Projek) 8, 35 dan 45—(Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan dan luar bandar)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari esok, 13hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.